

Jilid I
Bil. 30



Hari Selasa
18hb November, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4177]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1987

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.19 [Ruangan 4210]

Maksud B.20 [Ruangan 4262]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1987

Jawatankuasa—

Maksud P.19 [Ruangan 4210]

Maksud P.20 [Ruangan 4262]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.L.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

- .. Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- .. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- .. Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER Yu LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Buruh, WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- .. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN Yow, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, Tuan Osu bin Haji Sukam (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY JAFFREY (Silam).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- „ TUAN ABDUL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUĐA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

- Yang Berhormat DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR (Pagoh).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UNGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

Yang Berhormat TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH P.J.-K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.N., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.U., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG A.M.N., P.J.K. (Sepang).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI BIN SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU P.N.B.S.,P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).

Yang Berhormat TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

„ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

„ TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

„ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N, B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 18hb November, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)***JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN****PENGHARAMAN BUKU
KASSIM AHMAD**

1. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kenapa Kerajaan harus mengharamkan buku Kassim Ahmad selepas Kerajaan-kerajaan Negeri mengharamkan buku tersebut atas sokongan Majlis-majlis Agama Negeri.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri mengharamkan buku "Hadis—Satu Penilaian Semula" setelah ianya berpuas hati bahawa isi kandungan buku tersebut boleh memudaratkan kepentingan rakyat dan keselamatan negara. Kementerian Dalam Negeri mengharamkan buku itu agak terkemudian dari beberapa Kerajaan Negeri adalah secara kebetulan sahaja.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kementerian Dalam Negeri mengkaji buku itu dari sudut kepentingan awam dan keselamatan negara. Dari kajian Kementerian Dalam Negeri, buku "Hadis—Satu

Penilaian Semula" mengandungi bahan-bahan yang boleh menimbulkan percanggahan di kalangan umat Islam. Keadaan ini boleh memudaratkan kepentingan awam dan keselamatan negara jika tidak dibendung. Majlis Ugama Istam Negeri-negeri pula mempunyai kuasa untuk mengkaji, menganalisa dan mengharamkan sesuatu penerbitan yang menyentuh hal-hal agama Islam.

Sungguhpun kedua-dua pihak iaitu Kementerian Dalam Negeri dan Majlis-majlis Agama Islam Negeri mengharamkan buku itu tetapi asas pengharamannya adalah berbeza iaitu Kementerian Dalam Negeri dari kepentingan keselamatan, manakala Majlis-majlis Agama Islam Negeri ialah mengenai hal agama Islam. Oleh kerana asas pengharaman itu berbeza maka masa kajian ke atas buku itu juga berbeza. Itulah sebabnya pengharaman buku "Hadis—Satu Penilaian Semula" tidak dapat dibuat serentak oleh Kementerian Dalam Negeri dan Majlis-majlis Agama Islam Negeri.

Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan di dalam Dewan yang mulia ini sama ada Kerajaan ada menubuh Jawatankuasa untuk menapis buku-buku agama termasuk buku Encik Kassim Ahmad ini, terutamanya buku-buku yang masuk ke dalam negara ini daripada luar negeri?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak

Kementerian Dalam Negeri, tidak ada Jawatankuasa yang menitikberatkan tentang soal-soal Islam. Ini berkemungkinan ada di Jabatan-jabatan Agama Negeri dan juga di Pusat Islam.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebenarnya buku yang dikarang oleh Encik Kassim Ahmad telah merujuk daripada buku asal yang ditulis oleh Dr Rashad Khalifa yang bernama "The Computer Speaks God's Message To The World". Adakah buku-buku itu juga diharamkan dan buku yang mengasaskan anti-Hadis oleh seorang Yahudi yang bernama Goldziher juga diharamkan sama?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon notis tentang soalan itu.

ISU LABUAN SEBAGAI WILAYAH PERSEKUTUAN

2. Tuan Hu Sepang minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk mengembalikan Labuan kepada Kerajaan Negeri Sabah sebagai menyahut perasaan rakyat seperti ditunjuk dengan jelasnya dalam pilihanraya umum baru-baru ini untuk kerusi Parlimen Labuan di mana pemilih-pemilih di situ telah menolak calon Barisan Nasional.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat dari Rasah ini telah pun saya jawab pada 4hb November, 1986, apabila saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

RAKAM ROMPAK KASET NYANYIAN

3. Drs Suleiman bin Mohamed minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kejayaan

yang telah dicapai oleh pihak Kementerian dalam menghapuskan aktiviti rakam rompak kaset nyanyian kerana ianya bukan sahaja menyebabkan penyanyi-penyanyi kehilangan sumber pendapatan bahkan Kerajaan juga kehilangan sumber hasil, Apakah tindakan-tindakan lanjut akan diambil.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat):

Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang diterima oleh Jabatan Polis Di-Raja Malaysia yang kini menguatkuasakan Akta Hak Cipta, 60 kes rakam rompak kaset telah dibicarakan dan didenda dalam tahun 1984, 100 kes dalam tahun 1985 dan 10 kes dalam tahun 1986 sehingga 30hb Jun 1986. Untuk tahun ini, 30 kes lagi masih dalam siasatan dan 5 kes lagi dalam proses pembicaraan.

Kementerian saya sedar bahawa masih banyak aktiviti rakam rompak kaset nyanyian yang tidak dilaporkan dan tidak dapat diambil tindakan. Untuk memperkemas dan memperkuatkan lagi undang-undang hak cipta di negara ini agar pemunya-pemunya karya dapat diberi perlindungan yang lebih baik lagi, Kementerian saya sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum telah mengemukakan ke Dewan yang mulia ini satu Rang Undang-undang baru mengenai Hak Cipta menggantikan Akta Hak Cipta, 1969. Dengan adanya undang-undang yang lebih kemaskini dan kemas adalah diharapkan kegiatan-kegiatan cetak rompak dapat dikurangkan. Walau bagaimanapun keberkesanan sesuatu undang-undang itu khasnya penghapusan aktiviti rakam rompak memerlukan kerjasama dari semua pihak terutamanya dari orang ramai dan pemunya karya. Mereka hendaklah membuat aduan-aduan kepada pihak yang berkuasa bila didapati ada kes cetak rompak yang berlaku supaya tindakan-tindakan

yang sewajarnya dapat diambil terhadap mereka yang metakukan kesalahan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Jerai.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya pinta Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menerangkan dalam Dewan yang mulia ini soal kes-kes yang telah diambil tindakan, adakah terlibat kepada mereka yang menjadi penerbit atau pembuat rakam rompak ini ataupun hanya terlibat kepada penjual-penjual atau pengedar-pengedarnya sahaja; dan

Yang keduanya, kerana filem juga merupakan satu perkara yang menjejaskan penghidupan para seniman kita, apakah ini juga pihak Kementerian mengambil tindakan menyelamatkan filem-filem daripada rakam rompak, filem yang dibuat oleh penerbit-penerbit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Soalan yang kedua itu tidak payah dijawab.

Dato Kok Wee Kiat: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soalan yang pertama, saya hendak minta notis kerana berkaitan dengan bilangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Hulu Selangor.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar, ada beberapa kaset-kaset dalam pasaran kita dengan tajuk yang kurang bermoral, seumpamanya sebagai satu kaset yang baru-baru ini saya dengar, dengan izin, "Bad boys are never sad boys; girls like bad boys".

Saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah tindakan yang sedang diambil ataupun akan diambil untuk mengharamkan kaset-kaset tersebut?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Soalan itu terkeluar (*Ketawa*).

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi saya rasa confuse, dengan izin, kerana saya tidak tahu sama ada dimaksudkan rakam rompak ataupun cetak rompak, dalam jawapan itu ada dua sekali. Jadi yang mana satu?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf ianya tentang rakam rompak.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu mengapakah aktiviti rakam rompak ini masih lagi berleluasa, walaupun kita mempunyai undang-undang yang tertentu. Adakah salah satu sebab yang aktiviti rakam rompak ini berleluasa oleh kerana undang-undang yang ada hari ini tidak begitu ketat dan hukuman-hukuman yang dikenakan terhadap orang-orang yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti ini terlalu ringan dan menyebabkan aktiviti ini berleluasa begitu rupa. Jadi apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menentukan supaya aktiviti ini dapat dihapuskan sama sekali.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak ada aduan, mana boleh kita tahu, Saya harap kalau Yang Berhormat yang berkenaan ada keterangan, silalah buat aduan.

FILEM KARTUN FANTASI—TAYANGAN

4. **Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Penerangan menyatakan

adakah Kementerian sedar bahawa tayangan filem-filem kartun fantasi boleh merosakkan pemikiran kanak-kanak dari segi faham ketuhanan (sifat-sifat dan kekuasaan Allah) kerana kanak-kanak terlalu minat dengan cerita-cerita kartun fantasi ini. Adakah Kementerian bercadang untuk mengurangkan tayangan filem-filem ini sama ada di RTM atau TV3 dan kalau tidak mengapa atau adakah Kementerian bercadang untuk menerbitkan filem-filem kartun berunsur pelajaran.

Menteri Penerangan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, filem-filem kartun fantasi yang disiarkan oleh RTM telah pun ditapis dan diambilkira dari pelbagai aspek. Antara aspek-aspek penting yang diutamakan ialah kebolehannya untuk mengembangkan daya pemikiran kanak-kanak, dengan izin, imagination dan dayacipta mereka (creativity) di samping menambahkan kesedaran otak (intelligence) dan mengasahkan kebolehan berseluruh iaitu, sense of humour, semua ini penting untuk pembinaan peribadi yang sihat dan mantap. Di samping itu kartun-kartun science fiction, boleh memperkenalkan kanak-kanak dan anak-anak muda kepada dunia kemungkinan bagi masa akan datang.

Walau bagaimanapun Kementerian Penerangan sentiasa mengawasi tentaAg kepentingan menanam nilai-nilai agama yang sihat di kalangan kanak-kanak dan anak-anak muda kita dan kartun yang berlawanan dengan tujuan ini tidak disiarkan.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Kementerian Penerangan sendiri tidak dapat mewujudkan filem-filem kartunnya yang boleh menggunakan identiti negara kita dan cara watak-watak yang sesuai dengan keadaan peribadi bangsa kita.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, cadangan kita pun hendak mengeluarkan kartun-kartun kita juga. (*Ketawa*) Tetapi oleh sebab kita sekarang ini masih lagi hendak mencari komputer yang boleh membuat dengan seberapa cepat, kerana satu-satu kartun kita hendak buat cara lukis sahaja misalnya tangan di bawah hendak naik ke atas itu satu-satu kartun akan mengambil masa sampai tiga minggu hendak melukis.

Pada masa sekarang kita cuba ikhtiar hendak berbaik-baik dengan Kementerian Kewangan minta wang sedikit supaya kita dapat membeli komputer.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, kalau kita lihat di dalam salah satu dari kartun Benson & Hedges, di mana harimau yang lari masuk dalam api itu keluar emas. Itu adalah satu cara kartun yang dibuat mengikut komputer dan kita berharap kita dapat juga mengeluarkan kartun yang begitu sophisticated juga—innya Allah.

Kita harap dan berdoa, Ahli-ahli Yang Berhormat akan memberikan kerjasama menyokongkan kepada Kementerian Penerangan supaya kita dapat duit banyak pada tahun hadapan—innya Allah kita akan dapat.

INDUSTRI PELANCONGAN DI SABAH

5. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah rancangan-rancangan untuk pembangunan pelancongan yang disediakan untuk negeri-negeri di Malaysia terutamanya Sabah memandangkan perkembangan industri pelancongan di Malaysia adalah ditekankan terutama sekali selepas persidangan PATA baru-baru ini.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, negara ini telah dipasarkan sebagai sebuah destinasi pelancongan yang mempunyai nilai-nilai tarikan tertentu berdasarkan kepada tarikan-tarikan sedia ada yang terdapat di negeri-negeri Malaysia.

Bagi negeri Sabah pula beberapa aspek-aspek penting dan tarikan-tarikan pelancongan sering ditunjukkan di dalam aktiviti-aktiviti pemasaran Perbadanan seperti tarikan-tarikan Taman Negara, Gunung Kinabalu, Taman Tunku Abdul Rahman, Pusat Perlindungan Orang Utan di Sepilok, kegiatan-kegiatan Sosio dan Kebudayaan seperti kaum Bajau, Kadazan, Murut dan lain-lain; bandar Kota Kinabalu dan aspek-aspek lain yang menyentuh alam semula jadi negeri "Di bawah Angin" tersebut.

Selain dari itu langkah-langkah lain yang diambil oleh Perbadanan dalam memajukan industri pelancongan ialah penyediaan penerbitan-penerbitan filem-filem dan iklan-iklan yang mencenninkan tarikan-tarikan yang sedia ada di Malaysia termasuk di Sabah.

Untuk perancangan pembangunan pelancongan jangka panjang, Perbadanan telah pun menyediakan beberapa Pelan Induk Pelancongan termasuk untuk negeri Sabah.

Pelan Induk Pelancongan ini telah mengenal tentu kawasan-kawasan yang berpotensi untuk pembangunan pelancong-pelancong dan mengemukakan garis-garis panduan untuk pembangunan. Pelan induk ini telah pun dikemukakan kepada Kerajaan Negeri sebagai panduan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyebutkan, salah satu perkara yang dirancang oleh Kerajaan untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara kita ini ialah

untuk mengeluarkan filem-filem. Tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah telah terjadi kepada penayangan filem "Berkeajaan Malaysia" di dalam Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) Antarabangsa yang pada satu ketika dahulu pernah ditayangkan tetapi telah diberhentikan lebih kurang dua, tiga tahun yang lepas, kerana kita berpendapat bahawa dengan penayangan wayang "Berkeajaan Malaysia" di dalam pesawat Sistem Penerbangan Malaysia kita ini akan dapat menahk lebih ramai lagi pelancong datang ke negara kita.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, kerana ini dikendalikan oleh MAS, saya di sini tidak ada penerangan.

BUMIPUTERA DALAM BANK PERDAGANGAN/ INSTITUSI KEWANGAN/ SYARIKAT INSURAN

6. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) memberi nama-nama serta butir-butir lengkap syarikat atau individu Bumiputera yang diberi kelulusan memiliki saham dalam Bank-bank Perdagangan Institusi Kewangan dan Syarikat Insurans setakat ini;
- (b) senaraikan nama-nama Bank, institusi-institusi Kewangan dan syarikat Insurans yang belum disusun semula bagi penyertaan Bumiputera. Apakah langkah Kerajaan bagi memastikan penyusunan tersebut dilakukan sebelum tahun 1990; dan
- (c) berapakah jumlah, kalau ada, Syarikat Kewangan, Bank atau Syarikat Insurans yang diluluskan untuk Bumiputera berpindah tangan kepada bukan

Bumiputera, dengan menyatakan nama-nama individu ahli-ahli Lembaga Pengarah sewaktu lesen-lesen dikeluarkan kepada mereka-mereka yang berkenaan, jika ada.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Disebabkan oleh peruntukan undang-undang mengenai kerahsiaan bank, saya tidak dapat menyatakan nama-nama individu atau institusi yang diberi kelulusan memiliki saham dalam bank-bank perdagangan dan institusi kewangan. Bagi syarikat insurans, buat masa ini terdapat 14 buah syarikat insurans yang memiliki penyertaan ekuiti bumiputera melebihi 51%. Dari jumlah modal dibayar sebanyak \$499.8 juta di kalangan syarikat-syarikat insurans yang ditubuhkan di dalam negeri, penyertaan bumiputera adalah \$194.3 juta atau 38.8%.
- (b) Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu daripada 22 buah bank tempatan, 19 telah pun disusun semula atau mempunyai 30 peratus kepentingan bumiputera dan Kerajaan dalam modal sahamnya. Tiga buah bank tempatan yang lain adalah dalam proses penyusunan semula ekuiti mereka selaras dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Bank-bank itu ialah Kong Ming Bank, Malayan United Bank dan Southern Bank. Bagi bank saudagar, kesemua bank-bank saudagar kecuali sebuah sahaja iaitu D & C Nomura Merchant

Bankers Berhad telah pun disusun semula ekuiti mereka selaras dengan DEB. Dari 47 syarikat kewangan, 19 masih belum disusun semula untuk mematuhi kehendak DEB. Syarikat-syarikat kewangan itu ialah Hock Thai Finance, Kong Ming Finance, Public Finance, Southern Finance, Chung Khiaw Finance, Mortgage & Finance, Oversea-Chinese Finance, Overseas Union Trust, Asia Commercial Finance, Bolton Finance, Boon Siew Finance, Hong Leong Finance, Kuala Lumpur Finance, MBF Finance, Magnum Finance, Malayan United Finance, Sim Lim Finance, Tai Cheng Finance dan Credit Corporation (Malaysia). Kerajaan, melalui Bank Negara, telah berulang kali mengarahkan semua institusi-institusi kewangan supaya mematuhi kehendak-kehendak DEB. Bagi syarikat insurans pula, setakat ini sebanyak 40 buah syarikat insurans cawangan asing telah disusun semula untuk menjadi 30 buah syarikat tempatan denean penyertaan ekuiti warganegara Malaysia termasuk bumiputera. Masih terdapat 10 buah syarikat insurans asing yang belum menyusun semula operasi cawangan mereka di negara ini. Kementerian Kewangan akan terus mengawasi syarikat-syarikat tersebut. Perbincangan-perbincangan telah diadakan dalam usaha Kementerian untuk membantu mereka melaksanakan rancangan penyusunan semula masing-masing dengan seberapa segera yang boleh.

- (c) Setakat ini tiada institusi kewangan dan syarikat insurans yang pada mulanya diluluskan

kepada bumiputera, telah dipindahmilik kepada bukan bumiputera.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu kepada Dewan yang mulia ini atas apa peruntukan atau atas apa Fasal dalam Akta Bank yang dia tolak menolak memberi maklumat berkenaan dengan nama-nama dan lain-lain maklumat peribadi berkenaan pemilikan dan kepunyaan syer-syer dalam institusi-institusi kewangan dan commercial banks?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, tidak patutlah sebagai Ahli Yang Berhormat suruh saya membaca Akta Bank, bacalah sendiri, tetapi ada dalam peruntukan itu. *(Tepuk)*

Dr Eng Seng Chai: Saya tidak dapat itu, fasal dalam Akta itu ada pelanggan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk, Yang Berhormat. Duduk!

Dr Eng Seng Chai:bukan pemilikan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk! Yang Berhormat, ikutlah Aturan-aturan Mesyuarat, jangan bincang dengan dia.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada soalan No. 2 iaitu *(b)*, Yang Berhormat ada mengatakan bahawa Kerajaan telah berulang-ulang kali mengarahkan syarikat-syarikat kewangan untuk menyusun semula ekuiti syarikat tersebut tetapi masih terdapat lagi sebahagian besar syarikat-syarikat kewangan itu masih

lagi belum mengambil tindakan-tindakan tertentu sepertimana kehendak arahan daripada Kerajaan. Jadi, saya ingin tahu, sama ada Kerajaan memberikan tempoh masa kepada syarikat-syarikat tersebut untuk menyusun semula syarikat-syarikatnya.

Kedua, apakah tindakan yang boleh diambil untuk menentukan supaya institusi-institusi kewangan termasuk juga syarikat-syarikat insuran yang ada ini mengikuti kehendak Dasar ekonomi Baru?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya semua syarikat ini adalah menyusun semula menjelang tahun 1990, tetapi bagi syarikat yang masih belum ada ini selalu kita memberi galakan kepada mereka supaya menyusun semula dengan kehendak sendiri tanpa arahan-arahan tertentu daripada Kerajaan. Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan bahawa di dalam syarikat-syarikat insurans, misalnya, daripada 10 yang belum disusun semula itu, 6 telah pun mendapat kelulusan untuk disusun semula, 2 masih dalam perbincangan dan hanya tinggal 2 sahaja yang belum mendapat kelulusan oleh sebab perancangan yang diberi telah tidak mengikut gans panduan berdasarkan Dasar Ekonomi Baru. Maka Kementerian Kewangan telah memulangkan balik rancangan-rancangan penyusunan semula itu bagi syarikat-syarikat ini membuat rancangan-rancangan yang baru. Kita percaya yang dua yang kita belum menerima itu lagi akan membuat rancangan-rancangan supaya dapat diteliti semula oleh Kementerian Kewangan.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam jawapan Yang Berhormat sebentar tadi ada menerangkan berkenaan dengan pemilikan

bumiputera saham dalam bank-bank dan syarikat-syarikat insurans. Apakah ada kemungkinan pemilikan bumiputera dalam bank-bank dan juga syarikat insurans itu yang bersifat "Ali Baba" di mana-mana sahaja dimiliki oleh orang-orang Melayu tetapi sebenarnya yang menjadi sponsor, dengan izin, di belakang itu adalah orang-orang bukan bumiputera? Dan kalau kemungkinan ini ada, apakah tindakan ataupun penyiasatan dilakukan oleh Kementerian Yang Berhormat dan setakat ini apakah natijah yang diperolehi?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, sebelum seseorang bumiputera itu diluluskan pemilikan sahamnya sama ada dalam syarikat insurans, dalam bank ataupun bank saudagar, pihak Kementerian membuat kajian, penelitian dan juga penyelidikan berkenaan dengan calon yang akan diluluskan sebagai pemegang saham. Hanya setelah Kementerian berpuas hati bahawa seseorang itu benar-benar berupaya ataupun berkemampuan mempunyai saham-saham ini maka baru kelulusan diberi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu besar kemungkinan yang mempunyai saham itu adalah bukan sebagai "Ali Baba" tetapi maklum sahajalah, dalam pada itu saya tidak dapat menafikan sama sekali berkemungkinan juga terdapat satu, dua yang mana sewaktu penyelidikan yang telah dibuat, ada mencari helah-helah, tidak dapat kita pastikan 100%.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Samson Chin Chee Tsu.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Samson Chin Chee Tsu tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Fung Ket Wing.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Fung Ket Wing tidak hadir)

TEKNOLOGI RENDAH— KAJIAN PENGGUNAAN

9. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah Kerajaan menjalankan kajian terhadap penggunaan teknologi rendah (low-tec) dan sumber-sumber tenaga alternatif seperti tenaga solar dan angin supaya dapat mengagihkan pembekalan elektrik ke kawasan luar bandar untuk mencapai matlamat membekalkan tenaga elektrik sepenuhnya di Malaysia menjelang tahun 2000.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian saya tidak secara langsung menjalankan kajian ke atas penggunaan teknologi rendah (low-tec), dengan izin, dalam pembekalan kuasa, kerana Kerajaan telah mewajibkan kajian-kajian seumpama ini dijalankan oleh institusi-institusi pengajian tinggi tempatan seperti Universiti Sains, Pulau Pinang, Universiti Malaya dan lain-lainnya. Oleh yang demikian tidak perlulah untuk mengulangkan kajian-kajian sedemikian di Kementerian saya. Pada masa ini Kementerian saya berfungsi sebagai co-ordinator, dengan izin, dalam kajian tersebut.

Berkenaan dengan soalan penggunaan solar sebagai tenaga, ini memerlukan teknologi yang rumit dan perbelanjaan yang besar. Namun demikian, Kerajaan sedang mengadakan projek printis di tiga buah kampung, iaitu di Pulau Langkawi 37 buah rumah, lagi satu di Jerantut—70 buah rumah dan lagi satu di Mersing—50 buah rumah.

Selain daripada itu Kerajaan juga sedang membina beberapa projek

mini hidro untuk membekalkan elektrik ke kampung-kampung di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Berkenaan dengan angin sebagai tenaga masih belum mempunyai potensi untuk dieksploitasikan sebagai punca tenaga.

"SOGOSHOSHA" MALAYSIA— PENUBUHAN

10. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan akan mendorong lagi pertubuhan "sogoshoshas" berikutan kegagalan MOIC (Malaysian Overseas Investment Corporation) dan juga lain "sogoshosha" di Malaysia.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini adalah serupa dengan soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong pada 20hb Oktober, 1986 dan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban pada 29hb Oktober, 1986. Jawapan kepada soalan-soalan tersebut telah pun diberi pada 20hb Oktober, 1986 dan saya tidak ada apa-apa hendak ditambah kepada jawapan yang telah saya berikan dahulu.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak ada jawapan.

Dr Eng Seng Chai: Soalan tambahan kerana soalan sudah ada dalam Aturcara.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak boleh soalan tambahan, Yang Berhormat.

Dr Eng Seng Chai: Mana tidak boleh, ada soalan dalam hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak ada jawapan.

Dr Eng Seng Chai: Boleh minta soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau tidak ada jawapan, mana boleh?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan P. Patto.

(*Soalan No. 11 Y.B. Tuan P. Patto tidak hadir*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kita berbalik kepada soalan No. 7. Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan.

Tuan Teoh Teik Huat: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 7.

BOT NELAYAN YANG DIROMPAK

7. Tuan Teoh Teik Huat (*Di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa banyakkah bot nelayan atau bot pukot tarik yang telah dirompak di Perairan Sabah semenjak tahun 1982 hingga 30hb September, 1986. Berapakah kerugian yang sebenar kepada Malaysia. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk melindungi nyawa dan harta benda nelayan Malaysia dan keselamatan negeri Sabah.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan ini telah pun diberi pada 10hb November, 1986. Saya tidak bercadang menambah apa-apa kepada jawapan tersebut.

MISC—KEDUDUKAN KEWANGAN

8. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan kewangan MISC dari tahun-tahun 1980 hingga 1986 dan

apakah tangkai-langkah yang telah diambil untuk memperbaikinya serta sejauh manakah kekesanannya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam): Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh 1980 hingga 1986 prestasi kewangan MISC menunjukkan keuntungan, kecuali bagi tahun 1982 dan 1983 di mana MISC mengalami kerugian. Prestasi kewangan "MISC" setelah ditolak cukai bagi tahun 1980 hingga.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): MIC?

Tuan Kasitah Gaddam: MISC—bulan Jun 1986 adalah seperti berikut:

Tahun	Untung/ rugi	(\$)
1980	untung	55.1 juta
1981	untung	14.3 juta
1982	rugi	60.0 juta
1983	rugi	65.8 juta
1984	untung	58.3 juta
1985	untung	161.5 juta
1986 (Jan-Jun)	untung	84.2 juta

Langkah-langkah yang telah diambil oleh MISC untuk mempertingkatkan prestasi kewangannya adalah seperti berikut:

- (a) mengenalpasti dan menamatkan perkhidmatan-perkhidmatan yang tidak menguntungkan;
- (b) mengubah corak perkhidmatan dan jadual perjalanannya;
- (c) menyelaraskan angkatan kapal MISC untuk melupuskan kapal-kapal lama yang tidak lagi ekonomik dari segi kendaliannya;
- (d) menggunakan kapal-kapal yang disewa apabila timbulnya keperluan untuk menambahkan keupayaan muatan, sebagai

langkah alternatif kepada pembinaan kapal-kapal baru;

- (e) pengawasan rapi dan pengawalan kos-kos kendalian kapal; dan
- (f) mengurangkan kos melalui pengawalan gunatenaga dan operasi di darat dan juga di laut.

Langkah-langkah yang diambil oleh MISC itu telah membuktikan kekesanannya melalui pengurangan kerugian dan kos-kos kendalian. Hasilnya, prestasi kewangan dalam beberapa tahun kebelakangan ini telah meningkat. Dengan urusanniaga pengangkutan LNG yang dijalankan oleh MISC sekarang, syarikat ini dapat mengukuhkan kedudukannya, walaupun pasaran perkapalan sedang mengalami kemelesetan pada masa ini.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Menteri, berapa buahkah kapal yang berada dalam MISC dan berapa jumlah "tonnage" dan berapa buah kapal MISC yang boleh digunakan untuk mengangkut gas asli (LNG ataupun LPG)? Terima kasih.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita mempunyai sebanyak 41 buah kapal sekarang selepas kita menjual dua buah dan "tonnage" pada masa ini ialah kalau tidak salah 4.3 juta. Kalau tidak salah juga, saya ingat ada lima buah kapal khas untuk mengangkut LNG.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar empat buah kapal terbesar iaitu tanker gas LPG yang kita memperolehi untuk membawa gas kepada Jepun dan Korea sekarang memberi masalah kewangan kepada MISC, dan jika benar, apakah

langkah-langkah yang MISC akan mengambil untuk mengatasi masalah yang telah diberi oleh empat kapal-kapal tanker terbesar ini?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, kapal-kapal yang dibeli itu tidak membebaskan. Sebaliknya, ia adalah merupakan satu punca pendapatan yang baik bagi MISC.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah rancangan pembesaran MISC, memandangkan bahawa prestasinya telah bertambah baik dalam masa tiga tahun kebelakangan ini dan permohonannya untuk disenaraikan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur dan soalan kedua bagaimanakah kedudukan MISC jika dibandingkan dengan syarikat-syarikat perkapalan nasional negara-negara lain, khususnya dalam ASEAN?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama, sebagaimana Ahli Yang Berhormat telah maklum bahawa MISC ini akan disenaraikan, kalau tidak salah saya pada 23hb Februari, 1987 iaitu lebih kurang empat bulan dari sekarang. Mengikut pandangan kita, selepas penyenaian MISC ini, modalnya akan meningkat daripada yang dibayar pada masa sekarang iaitu daripada \$100 juta kepada \$500 juta.

Jadi dengan itu, dengan izin, gearingnya akan dengan otomatik menjadi lebih baik iaitu kadar yang ada pada masa sekarang ini 9:1 akan menjadi kurang iaitu menjadi lebih baik lagi sebanyak 3:1 dan nisbah ini adalah dipandang satu nisbah yang memadai dan baik untuk perniagaan seperti ini.

Untuk menjawab soalan yang kedua daripada Ahli Yang Berhormat itu saya minta notis kerana angka-angka yang sebenarnya tidak ada di tangan saya sekarang.

RAKYAT KETURUNAN CINA/INDIA

11. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa beliau dan sebilangan pemimpin Kerajaan sering menyebut rakyat Malaysia keturunan Cina dan India sebagai "orang asing" dan "pendatang";
- (b) sama ada beliau dan sebilangan pemimpin Kerajaan enggan menerima hakikat bahawa semua warganegara negara ini adalah rakyat Malaysia dan tiada seorang pun "orang asing" atau "pendatang"; dan
- (c) sama ada menjadi keputusan Kerajaan bahawa rakyat Malaysia keturunan Cina dan India adalah "inferior" kepada yang lain dan oleh yang demikian perlu digelar dengan kata-kata bersifat diskriminasi.

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, pendirian Kerajaan kepada perkara yang dibangkitkan telah jelas dengan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 12hb November yang lalu.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan jaminan kepada Dewan ini bahawa Menteri-menteri termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri tidak akan mengulangi perkataan seperti "pendatang" digunakan terhadap rakyat Malaysia keturunan India dan Cina dan juga perkataan-perkataan lain yang boleh membawa ketegangan di antara kaum dalam negara ini? (*Tepuk*)

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, pengumuman yang telah dibuat itu adalah pengumuman daripada Kabinet dan kita sebagai anggota Kabinet dalam Kerajaan adalah orang yang bertanggungjawab

dan saya harap juga supaya semua orang dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat jangan lagi mengulangi soalan-soalan seperti ini di masa yang akan datang (*Tepuk*) supaya satu suasana harmoni dalam Majlis yang mulia ini akan timbul.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya, walaupun Kabinet telah memberikan penjelasan, adakah menjadi kesalahan jikalau kita menggunakan takrif "pendatang" dalam konteks sejarah?

Tuan Kasitah Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, memang daripada sejarahnya susah kita hendak mengelakkan orang-orang menyebut keturunan tiap-tiap satu bangsa itu (*Tepuk*). Ini daripada segi sejarahnya, tetapi daripada segi politiknya sekarang kita haruslah cuba jangan lagi timbul-timbulkan perkara yang sedemikian. (*Tepuk*)

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, adakah Menteri berkenaan sedar bahawa dalam sejarah, orang peribumi adalah "Orang Asli", bukan orang Melayu, (*Boo!*) bukan orang Cina dan bukan orang India, tetapi "Orang Asli". (*Boo!*) Adakah Yang Berhormat Menteri sedar? (*Boo!*) Itu dalam sejarah. Apa yang ada dalam sejarah tidak boleh dipadamkan. (*Disampuk*)

Seorang Ahli: Hear! Hear!
(*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tak payah jawab Yang Berhormat. Tuan Zubir bin Embong.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, ada Ahli Yang Berhormat mengatakan perkataan "paria", adakah itu parliamentary?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Siapa kata itu?

Tuan R. Karpal Singh: Ada tadi.

Beberapa Orang Ahli: Tidak ada!

Tuan Zubir bin Embong: Duduklah!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya tidak dengar.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak dengar atau tidak mahu dengar, Tuan Speaker. Tadi ada.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya tidak dengar.

Tuan R. Karpal Singh: Ada.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau Yang Berhormat boleh tunjuk siapa itu?

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau berani berdiri, jangan takut.

Tuan Zubir bin Embong: Siapa takut? Apa takut!

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, ulangkan. Jikalau anak jantan, berdiri, cakap lagi sekali.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, duduklah!

Tuan R. Karpal Singh: Jikalau anak jantan, sekarang berdirilah, ada orang yang bercakap tadi.

Tuan Zubir bin Embong: Siapa dia?

Seorang Ahli: Semua anak jantan..... (*Disampuk*)

Tuan R. Karpal Singh: Semua kurang ajar, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, duduk!

Seorang Ahli: Tarik balik "kurang ajar".

Tuan Othman bin Abdul: Biadab, kurang ajar. Apa ini?

Tuan P. Patto: Dia sebut paria.

Tuan Othman bin Abdul: Dia sebut kurang ajar, shit. (*Disampuk*)

Tuan P. Patto: Ha, tengoklah!

Seorang Ahli: Unparliamentary—tarik balik!

Tuan Othman bin Abdul: Kurang ajar, tarik balik, kurang ajar tarik balik (*Disampuk*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, saya suruh semua Ahli Yang Berhormat duduk! Duduk semua Ahli Yang Berhormat!

Tuan Othman bin Abdul: Kalau tarik balik perkataan kurang ajar, saya tarik balik perkataan shit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Pendang, sila duduk! Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, duduk! Semua Ahli Yang Berhormat, duduk dulu, duduk dahulu, (*Disampuk*) saya hendak buat keputusan. (*Disampuk*) Saya suruh kedua-dua Ahli Yang Berhormat, Ahli dari Jelutong dan juga Ahli Yang Berhormat dari Pendang, saya suruh, minta Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tarik balik perkataan "kurang ajar" dan saya suruh Ahli Yang Berhormat dari Pendang tarik balik perkataan "paria" itu. Sila Ahli Yang Berhormat dulu tarik balik.

Tuan R. Karpal Singh: Perkataan "paria" bolehkah ditarik balik?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat Jelutong.....

Tuan Othman bin Abdul: Shit. mana ada?

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, tadi ada.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, saya minta kedua-dua Ahli Yang Berhormat, tarik balik. Mulai dulu Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, tarik batik atau tidak?

Tuan R. Karpal Singh: Boleh tarik balik, jikalau perkataan "paria" ada ditarik balik, saya tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, jangan bincang ini.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, saya mahu keadilan, you can do what you want.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, kalau Ahli Yang Berhormat tidak bersetuju tarik balik, saya hendak ambil tindakan (*Tepuk*) dan juga terhadap Ahli Yang Berhormat dari Pendang. Sekarang mulai Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, tarik balik perkataan itu.

Tuan R. Karpal Singh: Siapa tarik balik dulu?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, perkataan "paria"?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, sebutkan perkataan dulu, sebab itu tarik balik.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, bolehkah saya dapat satu keputusan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak ada lain-lain Yang Berhormat, saya tidak hendak bincang ini.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, saya rasa ada Ahli Yang Berhormat menggunakan perkataan "paria".

Tuan R. Karpal Singh: Ada digunakan, Tuan Speaker. Bolehkah diadakan satu enquiry untuk mendapat tahu ada atau tidak digunakan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Jelutong, saya minta Ahli Yang Berhormat dari Jelutong tarik balik perkataan "kurang ajar".

Tuan R. Karpal Singh: Boleh, jikalau perkataan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh! Duduk!

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, jikalau perkataan "paria" boleh ditarik balik, dan ada dalam tape-recorder, boleh check.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Itu saya sudah buat keputusan. Keputusan saya iaitu selepas saya selesai berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong, saya akan pergi kepada Ahli Yang Berhormat dari Pendang.

Tuan R. Karpal Singh: Jangan pergi ke mana-mana. (*Ketawa*) Bercakap di sini. Atas itu, Tuan Speaker, saya tarik balik, jangan pergi ke Pendang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Jelutong telah tarik balik perkataan itu, Yang Berhormat dari Pendang?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Speaker, saya tarik balik perkataan "shit", saya tidak kata "paria", saya tarik balik perkataan "shit".

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Siapa sebut perkataan itu tadi?

Tuan P. Patto: Orang yang sebut itu, mengakulah kalau sudah menyebutnya.

Tuan Othman bin Abdul: Selepas daripada Yang Berhormat dari Jetutong sebut "kurang ajar", saya kata "shit", saya tarik balik. Saya tidak tahu, saya tidak sebut "paria".

Tuan P. Patto: Ini Setiausaha, Backbenchers Club, siapa yang suruh? Siapa yang cakap bangun, bangun, bangun, siapa itu? Siapa yang gunakan perkataan itu patut bangun dan mengaku sebagai gentleman, sebagai Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat, duduk!

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tiada siapa yang mengaku, kalau tidak bangun.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, semua duduk! Yang Berhormat, duduk dulu!

Beberapa Orang Ahli: (*Bangun*) Duduklah, duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Biarlah semua orang tengok macam mana kelakuan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Biarlah orang awam tengok!

Tuan Alias bin Md. Ali: 44 (8), saya minta Tuan Yang di-Pertua menggunakan Peraturan Mesyuarat 44 (8) oleh kerana ternyata kita tidak dapat mengawal keadaan pada masa ini dan saya cadangkan supaya ditangguhkan Majlis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payahlah Yang Berhormat (*Ketawa*). Sekarang sudah selesai pertentangan. Yang Berhormat Tuan Zubir bin Embong.

Tuan Zubir bin Embong: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak, soalan Yang Berhormat tadi, soalan 12.

RANCANGAN IKLAN DI TV3

12. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Kementerian menapis terlebih dahulu dan meluluskan setiap rancangan dan iklan yang disiarkan oleh TV3.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, semua penapisan filem-filem, iklan dan drama yang hendak ditayangkan oleh TV3 dilakukan oleh Lembaga Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri. Kementerian Penerangan tidak membuat apa-apa tapisan dan hanya telah memberikan garis panduan tertentu secara kod iklan untuk dipatuhi sewaktu TV3 ditubuhkan dahulu. Kementerian Penerangan pada masa ini hanya dapat menjalankan pengawasan, dengan izin, monitoring, atas filem-filem iklan dan drama-drama yang ditayangkan serta memberikan teguran yang sewajarnya apabila ia didapati tidak sopan atau bertentangan dengan sosio-budaya tanahair.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, tidak ada soalan lagi. Soalan tambahan, silakan.

Tuan Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa majoriti penonton-penonton TV tidak berminat dengan lakonan yang seksi, tetapi berminat kepada senikata yang menarik dan senilakon yang dewasa dan mantap.

Soalan saya, bagaimana caranya Kementerian menapis filem-filem dan

apakah garis-garis panduan yang dipakai dan mengapa pula tidak diambil faedah dari pelakon-pelakon veteran yang mempunyai pengalaman lama untuk tujuan iklan yang bermutu.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, kita ada kod. Saya hendak bacakan satu persatu pun akan mengambil masa. Kalau hendak tengok bolehlah baca dan saya sedia memberikan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Secara ringkas Yang Berhormat.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Dengan izin, iklan-iklan ini mestilah sopan, iaitu decent, honest—jujur dan ada kebenaran dan juga adalah legal.

Yang kedua, cara ringkas, iklan-iklan ini mestilah memperojectkan kebudayaan Malaysia, identiti Malaysia dan memprojeckan ataupun reflect, dengan izin, multi-racial character dan penduduk-penduduk atau populasi negara kita Malaysia ini dan juga mengamalkan filosofi Rukunegara.

Iklan ini juga tidaklah boleh mengencam ataupun typecast satu-satu particular ataupun racial group ataupun sex mengikut kerja-kerjanya. Izinkan saya, fasal saya terjemahkan ini dalam Bahasa Inggeris, "traditional values, background in goods or services featured". Banyak benar ini! Saya hendak bacakan pun terlalu banyak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Silalah, kalau boleh beri sekeping kepada Yang Berhormat.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Ya, bolehlah. Kalau hendak satu buku pun saya boleh beri (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat dari Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa rancangan-rancangan yang disiarkan dalam TV3 termasuk iklan-iklan adalah rancangan yang menarik dan disukai oleh ramai. Jadi, daripada kita tapis yang akan merosakkan rancangan dan juga iklan itu, apakah cara lain yang boleh kita menerapkan nilai-nilai moral, Saya rasa ini adalah lebih baik daripada kita potong yang saya rasa akan merosakkan rancangan itu seterusnya.

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Yang sebenarnya pun kita cuba ikhtiar tidak mahu tapis, tetapi kalau tidak ditapis, keluar semua (*Ketawa*). Jadi, saya rasa sedikit sebanyak untuk menjaga akhlak kita, kebudayaan kita yang termasuk di dalam cerita-cerita ini. Kita hendakkan juga entertainment iaitu untuk mereka yang suka mendengarkan muzik dan ada juga kalau setengah-setengah orang yang tua itu hendakkan kalau boleh siaran agama itu 26 jam dalam satu hari dan ada juga orang-orang kita ini hendakkan education, pembangunan dan sebagainya.

Secara yang kasar sukalah saya menyatakan iaitu kita cuba barangkali 20% pembangunan, 30% pelajaran, 20% untuk entertainment dan bermacam-macam lagi dari segi kebudayaan untuk membangkitkan generasi kita, penduduk kita, negara kita Malaysia ini satu identiti Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan daripada Yang Berhormat

Menteri, dikatakan program-program yang akan disembahkan di RTM akan mencerminkan berbilang bangsa di semua programnya. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu apa nisbahnya patut ditayangkan mengikut program-program yang ada hari ini dan adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa sesuatu filem yang telah ditayangkan di RTM itu kadangkala diganggu oleh iklan. Didapati beberapa program, oleh kerana diganggu oleh iklan itu telah mengurangkan minat daripada penonton-penonton.

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Jawapan yang pertama, sukalah saya menyatakan iaitu nisbah ini saya tidak boleh beri dengan tepatnya berapakah, tetapi sebagai dasar dan juga prinsip kita adalah supaya tayangan-tayangan baik pun gambar dan sebagainya ada nisbah-nisbah yang tertentu yang mana cerita Melayu, cerita yang bercakap Bahasa Kebangsaan, dan ada yang vernicular, cerita India, ada cerita yang bercakap cara Cina—Mandarin sama Cantonese ada juga. Tetapi hendak beri dengan tepatnya saya tidak dapat pada masa ini.

Keduanya, soal gangguan ini, saya rasa kita tidak begitu ganggu sangat, kalau kita lihat dan bandingkan dengan setengah-setengah TV di Amerika dan sebagainya, tiap-tiap dua minit ada gangguan. Saya rasa kita tidak begitu ada gangguan, tetapi sedikit sebanyak kerana dalam advertisement ini, kita mesti mengakuilah kena ada ambil duit juga. Jadi, dari segi kewangan, ia membantu Kerajaan, biarlah ganggu sedikit-sedikit, tidak apalah.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang penapisan ini, saya dapati filem-filem yang dialihsuarkan ke dalam Bahasa Malaysia agak tidak memuaskan kerana bukan sahaja mulut bergerak

itu lain dengan ucapan yang dibuat, umpamanya mulut sudah tutup, suara masih ada. Adakah Kementerian ada langkah-langkah ataupun cadangan untuk tidak mengalihbahasakan filem-filem dari Brazil, Sepanyol dan sebagainya, seperti "treatment", dengan izin, yang diberikan kepada filem-filem Hindustan dan filem-filem Tamil?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Tuan Yang di-Pertua, kita seberapa yang boleh cubalah juga hendak memberikan apa yang di'dub'kan itu kena dengan mulut dia dan keluar suaranya, tetapi kadangkala itu susah juga hendak cari perkataan itu, kadang-kadang itu panjang, dia berhenti dahulu dan bunyi suara lagi. Itu saya minta maaf, kata tak boleh sangat. Kadangkala saya rasa sudah baguslah, saya ikhtiar seberapa yang boleh. Kalau Yang Berhormat hendak berikan kerjasama, saya boleh berikan peluang juga untuk "dub" (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1987

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1987 dan Anggaran Pembangunan, 1987 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Kelima*)

*Majlis bersidang dalam
Jawatankuasa.*

(Timbalan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Jawatankuasa)

*Maksud B.19 (Jadual)—
Maksud P.19 (Anggaran
Pembangunan 1987)—*

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Saya jemput Yang Berhormat dari Jempol menyambung selama 5 minit.

3.33 ptg.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus (Jempol): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Selain daripada memperkatakan tentang perlunya diambil ataupun ditingkatkan langkah-langkah untuk menambahkan keahlian pertubuhan peladang di peringkat kawasan, saya juga suka menarik perhatian Kementerian yang berkenaan tentang perlunya juga ahli-ahli pertubuhan peladang kawasan ini meningkatkan saham-saham mereka dan satu masa ke satu masa. Ini bertujuan untuk membolehkan satu-satu pertubuhan peladang di peringkat kawasan untuk bukan sahaja mempunyai bilangan ahli yang cukup besar, jumlah saham ataupun kewangan yang berpatutan untuk direncanakan berbagai-bagai kegiatan yang boleh membantu bukan sahaja ahli-ahli itu, tetapi dalam masa yang sama juga meneguhkan keseluruhan pertubuhan peladang di peringkat kawasan dari satu masa ke satu masa.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran 01000, muka yang sama—muka 86, iaitu Projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu. Dalam perkara ini saya hanya suka menarik pihak Kementerian yang berkenaan kepada Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu di Negeri Sembilan Timur.

Tuan Pengerusi, saya harap sangat kepada Kementerian Pertanian agar

mengambil tindakan-tindakan yang cepat bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program-program yang ditaja, baik dari segi kemudahan-kemudahan asas, apatah lagi program-program yang melibatkan pendapatan di kalangan petani-petani dan peladang-peladang. Sepatutnya program ini berakhir pada tahun ini, iaitu tahun 1986, tetapi oleh kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, program ini saya difahamkan akan dilanjutkan selama setahun lagi. Soalnya ialah sebahagian daripada peruntukan bagi program ini adalah merupakan pinjaman yang dibuat oleh Kerajaan dan agak malang kalau sekiranya peruntukan yang berbentuk pinjaman itu walaupun tidak dapat hendak dibelanjakan mengikut jadual (schedule) yang telah ditentukan, tetapi dalam masa yang sama Kerajaan kena juga "service", dengan izin, hutang-hutang yang dibuat daripada Asian Development Bank itu.

Oleh kerana itu, Tuan Pengerusi, saya suka minta kepada Kementerian Pertanian agar meningkatkan keupayaan dan kesungguhan, terutama sekali di kalangan pegawai-pegawai yang saya maklum cuba membuat kerja-kerja ini seberapa yang boleh, tetapi masih ada juga halangan-halangan, baik dari segi pentadbiran yang memberi kesan ataupun menjejaskan kelicinan ataupun kesempurnaan pelaksanaan program pembangunan pertanian di Negeri Sembilan Timur ini.

Satu lagi perkara yang secara spesifik saya tarik perhatian Kementerian yang berkenaan ialah tentang pelaksanaan kemudahan-kemudahan asas yang dilaksanakan di bawah program Negeri Sembilan Timur ini khususnya. Saya difahamkan ada beberapa program pembinaan kemudahan-kemudahan jalan ladang walaupun pada kaca mata setengah pihak perkara ini kecil, tetapi

bagi petani-petani dan peladang-peladang, kesempurnaan pembinaan jalan-jalan ladang ini cukup besar ertinya kepada mereka, terutama sekali apabila sampai masa untuk hendak mengeluarkan hasil-mahsul mereka dari satu masa ke satu masa.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada muka 88, Butiran 02600, iaitu Kemudahan-kemudahan Keselamatan Tanaman. Kita maklum proses pelaksanaan apa juga rancangan pembangunan pertanian banyak bergantung juga kepada soal cara-cara kita mengawal keselamatan tanaman-tanaman kita ini daripada dirosakkan oleh berbagai-bagai bentuk musuh dari satu masa ke satu masa dan petani-petani telah mengalami kerugian yang banyak akibat daripada serangan-serangan serangga dan lain-lain yang sentiasa merosakkan usaha-usaha yang mereka tanam dari satu masa ke satu masa. Dalam soal ini saya minta juga kepada Kementerian Pertanian supaya meningkatkan usaha-usaha untuk mencegah daripada berlakunya serangan-serangan daripada musuh-musuh ke atas tanaman-tanaman yang dikendalikan oleh petani-petani dari satu masa ke satu masa.

Saya beralih kepada Butiran.....

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Satu minit, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Saya beralih kepada Butiran 02800, iaitu Kemudahan Perkhidmatan Perkembangan. Perkembangan ataupun "extension", dengan izin, juga cukup penting di dalam pembangunan pertanian dan saya maklum iaitu cara-cara pengurusan pembangunan perlanian ini diuruskan, dikendalikan dengan cara kita membahagi-bahagikan kawasan-kawasan pertanian itu kepada

kawasan-kawasan pengendatian di tiap-tiap negeri. Jadi, yang saya minta ialah supaya pegawai-pegawai yang terlibat untuk melaksanakan kerja-kerja perkembangan (extension) ini dapat juga ditingkatkan kefahaman mereka yang terlibat secara langsung dengan petani-petani di peringkat bawah.

Saya harap juga supaya pegawai-pegawai pengembangan kita ini diberikan latihan-latihan yang lebih banyak lagi supaya membolehkan mereka itu mendapat ataupun memiliki seberapa banyak ilmu dan pengetahuan yang boleh dalam usaha mereka hendak membimbing dan memimpin petani-petani dan peladang-peladang di dalam serba-serbi program pembangunan yang dilaksanakan dari satu masa ke satu masa.

Kesimpulannya, Tuan Pengerusi
.....

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila tamatkan.

Tuan Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Saya hendak simpulkanlah ini.

Kesimpulannya, Tuan Pengerusi, saya harap sangat kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengambil kira soal-soal untuk menyelaraskan apa juga program yang dibuat dari satu masa ke satu masa dan memastikan supaya apa juga yang dihasilkan oleh petani-petani kita mendapat pasaran yang munasabah sebagai satu daya pendorong dan penggalak kepada mereka itu terutama sekali di dalam program kita untuk memulihkan semula tanah-tanah sawah yang terbiar di negara kita ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pasir Mas.

3.42ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Pengerusi, saya ingin turut mengambil bahagian membahaskan Belanjawan bagi Kementerian Pertanian, B.19, mukasurat 84, 090000—LKIM, 110000—Bank Pertanian, mukasurat 85, 00200 bank.....

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Satu persatu, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya sebut ini, Tuan Pengerusi, kira sekali gus. Mukasurat 85, 00200, 00500 dan akhirnya mukasurat 93 hingga 94 iaitu 22100—Melatih Nelayan sehinggalah 26500—Latihan Nelayan.

Tuan Pengerusi, pembangunan masyarakat luar bandar adalah berkait rapat dengan peranan Kementerian Pertanian dan salah satu sektor yang terpenting ialah dalam bidang pembangunan nelayan.

Kita masih ingat cerita yang ditulis oleh Profesor Shahnnon Ahmad iaitu Ranjau Sepanjang Jalan iaitu cerita Jeha dan Lahuma. Saya kira sesudah kita mencapai kemerdekaan hampir 30 tahun, cerita Ranjau Sepanjang Jalan ini masih lagi dihadapi oleh masyarakat luar bandar termasuk kaum nelayan.

Tuan Pengerusi, tidak ada sesiapa pun yang boleh menafikan bahawa sektor pertanian telah dan akan terus memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negara, lebih-lebih lagi dengan cerita Mat Jenin yang kita harap dapat membawa perubahan titik tolak pencapaian bangsa untuk masa akan datang. Maka pada petang yang mulia ini, saya bercadang untuk mengkhususkan perbahasan ini dalam bidang perkembangan dan pembangunan sektor perikanan.

Tuan Pengerusi, sektor perikanan kalau kita lihat adalah satu sektor yang penting kerana sumbangannya kepada negara kasar walaupun 2% tetapi di samping itu menyediakan 22% daripada jumlah bekalan protein dan sekurang-kurangnya 50% daripada kegunaan protein binatang negara ini. Yang lebih penting sektor ini menyumbang 60% daripada keperluan ikan negara.

Apa yang ingin saya tegaskan di sini ialah di sebalik sumbangan besar oleh nelayan-nelayan kita, tetapi kita lihat kehidupan keluarga nelayan masih lagi miskin dan memerlukan pembelaan yang sungguh-sungguh dari Kerajaan. Sesuai dengan tradisi membela, rakyat haruslah kita persoalkan sejauh manakah komitmen kita untuk membela kaum nelayan yang berjumlah lebih daripada 100,000 di seluruh tanahair kita.

Kita akui bahawa dari segi angka kadar kemiskinan kedudukan masyarakat nelayan telah menurun daripada 73% dalam tahun 1970 kepada 27.7% dalam tahun 1984, tetapi kalau kita lihat dari segi sudut realiti sebenar masyarakat kaum nelayan, maka kita akan lihat dari segi rupa bentuk kemiskinan mereka amat nyata dan sebab itulah kita mengatakan pembelaan yang lebih bersungguh-sungguh perlu diberi kepada pihak kaum nelayan.

Seperkara lagi yang perlu saya tegaskan di sini, Tuan Pengerusi, ialah potensi yang terdapat dalam sektor ini memang boleh meningkatkan kaum nelayan kalau kita lihat dari segi keperluan ikan untuk negara kita pada masa akan datang.

Kita lihat dalam tahun 1990 dan tahun 2000 mengikut penyelidikan yang saya buat, sebanyak 557,000 tan metrik dan 683,000 tan metrik diperlukan bagi tahun-tahun yang berkenaan. Ini tidak dapat dinafikan lebihan bekalan ini sudah tentu

mbolehkan kita eksport ke luar negeri bagi menambahkan pendapatan kaum nelayan, lebih-lebih lagi meningkatkan industri makanan bagi mendapatkan apa yang dikatakan "added value", dengan izin, Tuan Pengerusi.

Di dalam suasana kemelesetan ekonomi sekarang, kita sepatutnya memanfaatkan semaksima mungkin sumber-sumber yang ada di dalam negara kita. Kita perlu sedar bahawa kita masih lagi mengimport 40% ikan dari negara luar yang nilainya lebih daripada \$200 juta setahun. Saya rasa peratusan ini dapat kita kurangkan, jika sumber yang kita sedia ada digembelngkan dengan bijaksana.

Tuan Pengerusi, apabila saya menyebut kita menggembelngkan tenaga dengan bijaksana, sudah barang tentu kita memerlukan perbincangan yang terperinci, tetapi sebelum itu, Tuan Pengerusi, berdasarkan potensi besar yang bakal dihasilkan oleh sektor perikanan ini, maka saya menyeru dan meminta Kerajaan memberi perhatian yang serius ke arah pembangunan masyarakat nelayan. Sehubungan dengan itu, saya ingin mencadangkan beberapa langkah segera dan tegas perlu diambil.

Pertama, dari segi pengeluaran, galakan yang lebih besar hendaklah diberi kepada bidang perikanan laut dalam. Dengan cara ini kita harap, malah saya yakin kita akan dapat menurunkan jumlah ikan yang kita import daripada luar. Di samping itu, dalam jangka masa panjang, dengan bertambahnya pengeluaran hasil perikanan ini, industri makanan yang berkaitan akan wujud dan diperluaskan. Ini tentunya akan mendorong kepada perolehan "value added" yang saya sebutkan tadi. Tetapi bagaimanakah kita dapat menerokai sumber-sumber daripada laut dalam manakala keupayaan dan

peruntukan yang diuntukkan tidaklah begitu banyak, lebih-lebih lagi kalau kita lihat sendiri pula penerokaan di laut dalam oleh kaum bumiputera.

Saya amat terkejut apabila melawat ataupun dapat maklumat-maklumat di mana penerokaan laut dalam oleh nelayan-nelayan bumiputera di peringkat kelas C, boteh dikatakan amat kurang dan ada tempat tidak ada langsung diberi peluang seperti ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyebut di sini iaitu data yang ada menunjukkan kawasan perairan 20 batu daripada pantai telah diterokai secara berlebihan. Maka itu, sumber-sumber ikan di kawasan ini telah berkurangan. Maka bertepatan sekali langkah untuk meneroka di bidang laut dalam ini, khususnya dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif bagi menambah hasil pengeluaran ikan negara kita. Tambahan pula setakat ini hanya 20% sahaja daripada kawasan Zon Ekonomi Eksklusif telah diterokai. Jadi saya rasa tidak ada faedahnya Kerajaan mengisytiharkan kawasan 200 batu Zon Ekonomi Eksklusif itu jika ianya tidak diterokai bagl kepentingan negara dan rakyat.

Dengan itu juga saya berharap peruntukan bagi tujuan ini akan dikekalkan, malah kalau boleh ditambah dengan berlipat-ganda lagi. Tidak ada gunanya kita bercakap mengenai penerokaan laut dalam, sedangkan peruntukan yang diberi hanya dapat menghasilkan 7 ataupun 8 buah bot laut dalam sahaja. Maksudnya, Tuan Pengerusi, dari segi peruntukan untuk tahun hadapan, kalau kita lihat di dalam detail pembangunan untuk kaum nelayan ini, kalau bot besar yang disebutkan untuk laut dalam berharga \$300,000, kita hanya dapat mengeluarkan tidak lebih daripada 8 buah bot sahaja. Manakala permintaan oleh kaum nelayan, Persatuan Nelayan Kawasan, Persatuan Nelayan Negeri ataupun

Pertubuhan Kebangsaan Nelayan (NEKMAT) sudah barang tentu jauh daripada mencukupi. Jadi bagaimanakah boleh kita menerokai lautan dalam dan bagaimana boleh kita membela kaum masyarakat nelayan kalau itulah sahaja peruntukan yang diuntukkan untuk tujuan yang saya sebutkan tadi. Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Satu minit lagi, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Satu minit lagi? Banyak lagi ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi, sehubungan dengan ini, dalam soal menaikkan lagi taraf ekonomi masyarakat nelayan, agensi yang bertanggungjawab iaitu LKIM, kita telah pun menjalankan Sistem Lelong Terbuka. Perlaksanaan sistem ini sudah memberi ataupun meningkatkan pendapatan kaum nelayan, berbeza dengan sistem yang diamalkan dahulu iaitu sistem "consignment", dengan izin, iaitu sistem hantaran. Sebab itulah kita berharap semua pihak, sama ada di peringkat Kerajaan Negeri dan juga agensi-agensi lain memberi sokongan yang kuat, terutamanya dari segi sokongan-sokongan yang kalau saya hendak ulas di sini akan mengambil masa yang panjang, tetapi apabila kita menyebut sokongan yang ikhlas, berani dan tegas untuk memberi pimpinan bagi memajukan masyarakat nelayan, saya percaya ianya boleh diatasi sedikit demi sedikit.

Tuan Pengerusi, satu lagi apabila kita manyebut soal masalah.....

Tuan Lim Kit Siang (Tanjong): (*Menyampuk*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Apa benda Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Tamatkan, masa sudah cukup.

Tuan Hu Sepang (Rasah): (*Menyampuk*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini bukan soal Yang Berhormat dari Tanjong! Ini saya bercakap dengan Tuan Pengerusi. Yang di sana hendak sibuk, buat apa?

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila tamatkan.

Tuan Hu Sepang: (*Menyampuk*)

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ini yang saya tidak boleh, dengan orang lain bolehlah!

Tuan Hu Sepang: Point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Ya.

Tuan Hu Sepang: Saya faham Ahli yang bercakap sekarang adalah Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Jadi apa dia kata sekarang adalah bersabit mengenai kepentingan di mana beliau sendiri menjadi Pengerusi Lembaga itu—pecuniary interest. Sepatutnya dia tidak boleh sebut ikan, lain semua boleh sebut, ikan tidak boleh sebut. Haiwankah, lembukah, binatang kambing semua boleh sebut.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Sila duduk, Yang Berhormat. (Kepada Yang Berhormat dari Pasir Mas) Yang Berhormat, tamatkan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, saya rasa saya faham apa yang saya cakap. Jadi tidak payahlah hendak menegur ataupun hendak mengajar. Datang ke sini bukan bela rakyat tetapi buat kacau. Inilah saya katakan.....

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, jangan menyentuh.....

Tuan Lim Kit Siang: Masa seminit saya ingat sudah habis.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Duduk, duduk! Kalau tidak ada orang lain, Menteri.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, injury time, saya hendak tamatkan ini.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, duduk!

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak tamatkan sedikit lagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sudahlah.

Tuan Hu Sepang: (*Menyampuk*)

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Apa benda?

Tuan Hu Sepang: Jangan sebut ikan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, duduk! Yang Berhormat dari Pasir Mas, sila duduk. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

3.55 ptg.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Pengerusi, saya juga mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dan akan menyentuh Kepala B.19, muka surat 85, Butiran 00200—Program Sawah Terbiar dan seterusnya.

Tuan Pengerusi, kalau di zaman sebelum merdeka ataupun zaman penjajahan dahulu tidak terdapat tanah-tanah terbiar.....

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Butiran berapa, Yang Berhormat?

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Butiran 00200. Kalau di zaman sebelum merdeka ataupun zaman penjajahan dahulu kita tidak terdapat tanah-tanah terbiar dan sawah-sawah padi yang kosong tetapi kesemuanya bersih dan berisi dengan tanam-tanaman yang dapat mengeluarkan hasil yang banyak dan lumayan melalui titik peluh tenaga kaum tani di kampung-kampung dan mereka telah berjaya mengeluarkan zakat padi setiap tahun. Tetapi sekarang ini amat dukacita dan menyedihkan kita kerana di seluruh negara hari ini kita dapati banyak tanah-tanah terbiar dan banyak sawah-sawah padi bukan lagi diisi dengan tanam-tanaman tetapi dipenuhi dengan semak-samun, seolah-olah tidak ada empunya dan tidak dimiliki oleh sesiapa. Mengapakah keadaan seperti ini berlaku sekarang ini?

Kerajaan telah menyediakan berbagai-bagai kemudahan untuk mereka tetapi keadaan tidak berubah bahkan bertambah tenat lagi. Saya percaya Kerajaan mempunyai niat yang baik dan telah membuat sesuatu yang patut untuk menjayakan bidang pertanian ini. Peruntukan-peruntukan, kakitangan-kakitangan, peralatan-peralatan dan bahan-bahan yang diperlukan telah pun disediakan oleh Kerajaan tetapi mengapa dan sebab apakah tidak berjaya lagi rancangan pertanian ini?

Tuan Pengerusi, Kerajaan harus sedar dan mesti mencari sesuatu punca yang boleh dikenalpasti. Kita tahu sesuatu projek Kerajaan telah menelan belanja puluhan juta telah disiapkan seperti Rancangan Muda di Kedah, Rancangan Kemubu di Kelantan, tetapi apakah ertinya bagi Kerajaan dan rakyat sekiranya projek

itu tidak dapat dimanfaatkan oleh rakyat. Contohnya, Tuan Pengerusi, Rancangan Kemubu di Kelantan, kalau dahulu Rancangan Kemubu dibuat untuk memberi kemudahan kepada petani-petani supaya dapat menanam padi dua kali setahun, tetapi sekarang setelah rancangan itu disiapkan, bukan dua kali setahun bahkan sekali setahun pun tidak dapat dibuat pada keseluruhannya. Puncanya kerana dua perkara: pertama, saluran taliair tersekat dan keduanya, askar tikus terlampau banyak. Oleh kerana kedua-dua perkara inilah Rancangan Kemubu di Kelantan gagal dan rakyat tidak mendapat hasil seperti apa yang dijangka.

Tuan Pengerusi, Kerajaan pandai merancang dan berani mengeluarkan peruntukan seberapa banyak pun untuk pembangunan rakyat tetapi Kerajaan juga tidak sedar membekalkan tenaga-tenaga petani dengan mengisikan semangat pahlawan cangkul untuk.....

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, minta penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dia minta penjelasan.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Saya tidak beri.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dia tidak beri.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Untuk penjelasan mengapa tidak beri, Tuan Pengerusi? Sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Dia tidak hendak beri.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Kalau Rancangan Kmubu yang dikatakan tadi.....

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad:mempusakai kerja nenek-moyang mereka telah berjaya

mempelopori hidup secara bertani dan semangat ini tidak akan tumbuh dengan subur kiranya Dasar Pelajaran dan Dasar Pendidikan masih dalam bentuk sekular dan penjajahan. Saya menyeru Kerajaan supaya berani mengubah stkap dan berani bertindak demi untuk kejayaan ummah dan demi untuk membentuk peribadi generasi-generasi baru ke arah semangat berdikari dan bertanggungjawab dalam melayari bahtera hidup bangsa yang merdeka dan berdaulat.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, saya tahu keadaan di Kelantan hari ini selepas peristiwa yang tersebut dan saya cuba mengalih kepada Butiran 00900 Subsidi Baja Padi, muka 86.

Tuan Pengerusi, dalam bidang pertanian ini kita tahu cerita subsidi ini terlampau banyak, subsidi anak ikan, subsidi anak ayam, subsidi anak lembu, subsidi baja padi dan sebagainya. Tetapi yang menjadi masalah di negeri Kelantan ialah subsidi baja padi. Walaupun kita tahu Kerajaan telah mengeluarkan peruntukan berjuta-juta dan tujuannya adalah untuk memben pertolongan dan kemudahan kepada rakyat datam menjayakan rancangan pertanian terutamanya padi, tetapi apa yang berlaku dan menyedihkan rakyat di Kelantan ialah dengan sebab subsidi baja padi itulah menyebabkan timbul perbalahan dan menjadi punca percanggahan di antara satu sama lain. Sebabnya tidak kerana lain, sebagaimana kita tahu kerana pada mulanya Kerajaan mengisytiharkan kepada rakyat supaya mendaftarkan diri untuk mendapatkan baja padi dan cara-cara pembahagiannya ialah siapa mendapat, siapa yang mempunyai tanah satu ekar dia akan dapat 6 beg baja dan kalau 10 ekar, 60 beg, Tetapi setelah didaftar dan setelah sampai

tempoh pembahagiannya, apa yang disyaratkan itu tidak berlaku, bahkan orang yang ada mempunyai tanah tidak dapat, orang yang tidak mempunyai tanah dapat dan orang yang menjadi petani untuk menanam padi tidak dapat, orang-orang yang tidak menjadi petani dan tidak pernah menanam padi, dapat. Akhir sekali timbullah perbalahan dan berlakulah sebagaimana cerita pulau-memulau antara satu sama lain.

Tuan Pengerusi, perkara ini sebenarnya berlaku adalah berpunca daripada JKK yang dilantik oleh parti dan cita-cita Kerajaan untuk memberi kemudahan dan untuk mendapat hasil yang banyak kepada negara berlaku di sebaliknya. Kalau dahulu rakyat dapat hasil sehingga keluar zakat dan perpaduan yang begitu kukuh serta zakat boleh keluar dan tanah kesemua dapat ditanam dengan padi-padi, perbalahan tidak pernah berlaku, tetapi hasil daripada subsidi baja yang diperuntukkan berjuta, akhirnya rakyat berkelahi, pulau memulau berlaku, tanah terbiar, padi tidak dibuat, bajanya hilang begitu sahaja. Ini sejak dahulu lagi berlaku di negeri Kelantan sampai hari ini. Dan punca sebagaimana yang saya kata adalah hasil daripada tindakan Ketua JKK dan JKK di Kelantan menganggap diri lebih besar dari JKR. Sebab itulah berlaku peristiwa-peristiwa sebagaimana saya maklumkan itu. Dengan sebab itu, Tuan Pengerusi, memandangkan kepada peruntukan yang amat besar di keluar oleh Kerajaan dan juga memandangkan kepada Kerajaan hari ini sangat tenat menghadapi ekonomi negara, saya menyarankan supaya Kerajaan menghentikan jenis subsidi, terutama sekali subsidi baja supaya yang pertamanya untuk memulih semangat rakyat supaya hidup berdikari dan yang keduanya rakyat tidak akan menjadi manja dengan umpan-umpan iaitu tujuan yang besarnya ialah untuk memancing undi. Sebab itu, saya kira

sudah sampai masanya bagi Kerajaan untuk membetulkan segala keadaan yang membawa sendi-sendi negara menjadi runtuh dan pentadbiran Kerajaan menjadi pincang.

Sekarang saya pindah pula pada 01000, 06 dan 11 iaitu Kemasin Semerak. Projek ini mengikut apa yang kami tahu sebagai orang Kelantan sudah lama, tetapi sampai hari ini masih belum siap lagi. Apakah pada pandangan Kerajaan projek ini tidak perlu ataupun sebaliknya. Kalau perlu, mengapa sampai hari ini tidak disudahkan lagi. Dan kalau tidak perlu, mengapa tidak dibatalkan terus. Begitu juga Butiran 11, Sungai Golok, anggarannya \$34 juta. Menteri sudah bercakap, orang parti sudah kempen tentang projek Sungai Golok kerana kita tahulah sempadan Sungai Golok dengan Kelantan ini, kawasan penyeludupan dan berbagai-bagai peristiwa berlaku.

Kemungkinan dari itulah barangkali Kerajaan buat rancangan untuk projek \$34 juta. Tetapi dalam Buku Anggaran Belanjawan ini saya dukacitalah, satu apa pun tidak ada ditulis, \$1 kah, \$100 kah, berapakah, tidak ada dicatat angka untuk projek Sungai Golok ini. Adakah projek ini telah dibatal ataupun bagaimana saya tidak tahu. Saya inginlah untuk mendapat penjelasan yang sebaik-baik daripada pihak Kerajaan.

Satu lagi saya.....

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah cukup, 10 minit.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Saya seorang pun 10 minit jugakah.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sama Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Hampir seminggu saya tidak dapat bercakap.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dalam Kementerian-kementerian lain Yang Berhormat.....

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Hari Rabu tidak dapat langsung kerana Tuan Pengerusi tidak izin. Hari Khamis saya dapat 10 minit.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya bagi satu minit extra.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Hari ini pun saya kira dapat istimewa, tidak dapat juga.....

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat. Saya beri satu minit extra.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tidak mengapalah, saya gulung ucapan saya. Saya harap apa yang saya maklumkan di dalam Dewan yang mulia ini akan mendapat perhatian daripada Kerajaan dan saya percaya Kerajaan kalau mahu tunjukkan amalan bersih, cekap dan amanah, dia tidak akan teragak-agak untuk mengubah dan menentukan sikapnya demi untuk menjayakan rakyat dan negara seluruhnya.

Sekian, saya ucap terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Arau.

4.05ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Tuan Pengerusi, sukacita saya merujuk kepada muka surat 84, Maksud B.19, Butiran 110000 dan muka surat 85, P.19, Butiran 00200—Bank Pertanian Malaysia.

Tuan Pengerusi, semenjak Bank Pertanian Malaysia ditubuhkan dalam

tahun 1969, lebih \$1,000 juta atau \$1 billion telah dikeluarkan untuk skim kreditnya. Kebanyakan daripada pembiayaan kreditnya adalah untuk skim kredit padi, tembakau, perladangan kelapa sawit dan juga koko. Bank Pertanian Malaysia bolehlah dikatakan telah menuju ke arah pencapaian objektif dan matlamatnya dengan memberi kredit kepada kumpulan sasaran sehinggakan seperti yang dikehendaki di dalam Dasar Ekonomi Baru dengan memajukan dan membangun sektor pertanian. Namun demikian, walaupun pertumbuhan sektor pertanian adalah meningkat sebanyak purata 1.4% setahun tetapi pengimportan bekalan makanan bertambah sebanyak 7.8% setahun. Bil untuk makanan yang diimport telah mencapai \$3.6 billion mengikut kenyataan Kementerian baru-baru ini. Oleh itu, bagi tahun 1987 perlulah Bank Pertanian Malaysia memberi tekanan dalam memberi pinjamannya kepada penambahan pengeluaran makanan terutama, dengan izin, food substitutes. Ini bukan sahaja akan mengurangkan kos import, tetapi juga akan menguntungkan imbangan dagangan Malaysia. Juga bagi membolehkan Bank Pertanian mencapai matlamat ini, perlu agensi-agensi lain dalam Kementerian Pertanian seperti MARDI, FAMA, Jabatan Pertanian mengenalpasti tanaman baru dan teknologi baru dan dengan itu bolehlah pembiayaan kredit Bank Pertanian tidak terhad kepada tanaman tradisi sahaja.

Bagi program sawah terbiar pula adalah perlu penyusunan semula dari segi jangka panjang. Antara perkara yang boleh ditimbang ialah untuk mengadakan usaha pertanian secara kelompok atau gotong-royong setanding dengan estet. Manakala dari segi pengurusan pula, petani-petani sendiri harus diberi latihan dan bimbingan supaya dapat menjalankan perusahaan tersebut secara koperasi.

Dari segi pelaksanaan projeknya, Bank Pertanian pada masa kini berjalan seperti tempang sebelah disebabkan ketiadaan ahli-ahli Lembaga Pengarah yang mencukupi korum. Mengapakah sudah 4 bulan Kementerian masih biarkan perkara ini, sedangkan Akta Bank Pertanian memerlukan Lembaga Pengarah mengadakan mesyuaratnya sekurang-kurangnya sekali sebulan. Saya harap perkara ini akan dapat diperbetulkan supaya perancangan untuk maksud peruntukan 1987 tidak tergendala. Saya rasa Kementerian tidak menghadapi masalah dalam mendapatkan calon-calon bagi Lembaga Pengarah.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 84, Maksud B. 19, Butiran 06000 dan muka surat 85 Maksud P. 19, Butiran 00100—Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan atau FAMA. Pada masa ini adalah didapati FAMA masih tidak mempunyai saluran pemasaran yang besar untuk bahan-bahan pengeluaran pertanian dan hanya dapat menumpukan pemasarannya di pasar-pasar tani. Dengan itu, FAMA juga belum boleh mengambil alih peranan orang tengah dari segi pemasaran yang kini menyebabkan harga-harga seperti buah-buahan di mana apabila di luar bandar harganya murah tetapi bila tiba di bandar harganya sudah menjadi mahal. Peruntukan untuk FAMA bagi tahun 1987 telah dikurangkan jika dibandingkan dengan tahun 1986. Jika FAMA dikehendaki memainkan peranan yang penting dari segi pemasaran pengeluaran pertanian, peruntukan untuk pengeluaran pertanian tidak seharusnya dikurangkan. Namun demikian perlulah Kementerian memberi perhatian dan merancang program serta strategi supaya FAMA akan dapat memainkan peranan yang penting dalam pemasaran pengeluaran pertanian dan mengurangkan kekuatan orang tengah.

Dalam kedudukan sekarang, Tuan Pengerusi, kita dapati kita banyak memberikan perhatian kepada pengeluaran bahan-bahan pertanian, kita banyak memberi subsidi untuk mengeluarkan bahan-bahan pertanian, tetapi untuk tujuan pemasaran kita dapati peruntukannya adalah kurang kalau dibandingkan. Sebagai contoh dengan LPP sendiri, peruntukan FAMA adalah kurang hampir 1/2 daripada LPP, jadi dengan itu kita lihat banyak usaha-usaha pertanian petani-petani telah tidak dapat disalurkan.

Saya cadangkan supaya FAMA dapat mengambilalih usaha-usaha pemasaran ini dengan tidak mengambilkira apa sahaja barang yang dikeluarkan oleh petani-petani, FAMA sanggup membelinya. Inilah cara yang paling selamat dan wakil PAS tadi saya rasa dia bercakap ada logiknya, tetapi dia tidak menghuraikan dengan tepat apa yang dimaksudkan, iaitu kalau sekiranya kita kurangkan subsidi untuk pengeluaran bahan-bahan pertanian, kita harus menambahkan subsidi untuk pemasaran.

Pada masa sekarang sebagai contohnya kita dapat subsidi padi, maknanya kalau sekiranya kita kurangkan subsidi untuk kita hendak keluarkan padi, kita harus tambahkan subsidi pemasaran padi dengan menambahkan hasil padi. Jadi inilah yang sepatutnya kita huraikan bukanlah kita potong semua makna kata petani-petani akan menghadapi masalah, oleh kerana kita sedia maklum bahawa usaha-usaha pertanian ini bukanlah usaha-usaha yang dapat mencapai kejayaan yang sekelip mata seperti usaha-usaha yang lain.

Merujuk kepada mukasurat 85, Maksud P.19, Butiran 00300—Kemudahan-kemudahan MARDI. MARDI telah diperuntukkan

sebanyak \$65 juta untuk membuat kajian-kajian mengenai pengeluaran bahan-bahan pertanian, tetapi kalau kita lihat dari segi kualiti pengeluaran pertanian, prestasinya adalah didapati rendah jika dibandingkan dengan barang-barang pertanian yang diimport seperti buah-buahan dan sayur-sayuran.

Saya rasa kita sedia maklum kalau sekiranya kita ingin mengambil contoh bahan-bahan ataupun buah-buahan yang dikeluarkan oleh negara-negara jiran seperti Thailand umpamanya, kita dapati buah-buahan yang dikeluarkan di negara tersebut walaupun tidak ada MARDI di sana dan diusahakan oleh petani-petani secara commercial, kita dapati bahan-bahan ataupun buah-buahan yang dikeluarkan oleh petani-petani di sana mutunya adalah lebih baik. Sebagai buktinya kita suka mengimport barang-barang yang berkenaan dan kita lebih gemar untuk menikmati barang-barang yang diimport. Contohnya buah-buahan yang sepatutnya dikeluarkan di negara-negara sejuk, tetapi pihak Thailand dapat mengeluarkan buah-buahan tersebut seperti buah anggur. Mengapakah MARDI yang diperuntukkan \$65 juta kalau dibandingkan dengan FAMA dan juga LPP yang mana peruntukannya adalah dua kali lebih besar tidak dapat menjalankan usaha-usaha bagi memastikan bahan-bahan pertanian yang dikeluarkan adalah bahan-bahan pertanian yang bermutu. Jadi dalam hal ini Kementerian Pertanian saya hairan mengapa kita membuat kajian dengan lebih, tetapi kita mengeluarkan kurang dan kita pasarkan kita kurang. Dengan itu saya syorkan supaya pegawai-pegawai MARDI mengurangkan lawatan ke luar negeri untuk mendapatkan teknik-teknik baru, tetapi sebaliknya membuat lawatan ke dalam negeri, sebab saya rasa dalam negeri tropika

seperti Malaysia ini, kita tidak guna melawat Eropah untuk mendapatkan teknik baru.

Saya rasa kita perlu membuat kajian di negara-negara yang berdekatan ataupun negara-negara jiran untuk mendapatkan teknik-teknik yang baru. Jadi, dengan cara ini peruntukan \$65 juta ini seharusnya digunakan dan sewajarnya untuk menambahkan usaha-usaha pertanian, di samping kalau boleh oleh kerana MARDI juga dapat mengeluarkan bahan-bahan yang baik untuk mempasti supaya pemasaran di dalam dan juga di luar negeri dapat diadakan.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kluang.

4.17ptg.

Puan Ling Chooi Sieng (Kluang): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 83 dan 84 dan saya hendak menyentuh perkara di bawah Butiran 020000, Butiran 050000 dan Butiran 060000.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Program apa itu Yang Berhormat?

Puan Ling Chooi Sieng: Program pertanian, menyentuh dasar-dasar.....

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang "000" itu saya tahulah, tetapi program umpamanya 060000—Lembaga Pemasaran Pertanian.

Puan Ling Chooi Sieng: Maaf 020300—Haiwan, 050000—MARDI dan 060000—FAMA.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Terus, Yang Berhormat.

Puan Ling Chooi Sieng: Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya

mendapati bahawa Kementerian Pertanian telah menjadi sebuah Kementerian yang semakin menarik perhatian orang ramai setelah Yang Berhormat Menteri Pertanian mencadangkan supaya kita banyak minum air kelapa dan makan daging ayam. Tambahan pula Timbalan Menteri Pertanian juga melibatkan diri dalam usaha pemerahan susu lembu dan menjalankan proses permatian beradas, dengan izin, artificial insemination.

Memandangkan penekanan yang semakin berat diberikan ke atas sektor ini, maka wajarlah dikatakan bahawa sektor pertanian kita berhak menerima perhatian ramai. Apa lagi kalau Yang Berhormat Menteri Pertanian juga mengatakan bahawa pengimportan hasil makanan dan minuman dari negara-negara asing telah mengakibatkan banyak pengaliran sumber-sumber pertukaran asing kita yang begitu terhad dan bernilai.

Saya berpendapat bahawa kita sepatutnya mendorong syarikat-syarikat besar melabur dalam bidang pertanian dengan kadar yang segera. Kita patut mempersyariatkan dan memodenkan industri pertanian dengan segera. Kaedah perladangan tradisi kita telah ketinggalan zaman. Walau bagaimanapun demi mewujudkan sebuah Kementerian Pertanian yang tegas dan berfaedah serta secara eksekutif, kita perlu menubuhkan sebuah agensi, dengan izin, "one-stop" di mana semua teknologi pengeluaran, keberkesanan pemasaran dan penyelidikan serta pembangunan yang berterusan disatukan di bawah Kementerian Pertanian. Namun demikian, kita tidak akan menjayakan sektor pertanian, sekiranya kita tidak ada tanah. Kementerian Pertanian tidak mempunyai kawalan ke atas peruntukan tanah. Soal tanah tertakluk ke bawah kawalan Kerajaan

Negeri. Apabila sebuah projek pertanian dikemukakan untuk dibincangkan dalam sesebuah mesyuarat ianya sentiasa terbantu akibat daripada masalah kekurangan tanah.

Permohonan-permohonan tanah yang dihantar kepada pihak berkuasa di peringkat negeri seringkali menghadapi banyak halangan birokratik. Memandangkan ini saya mencadangkan supaya setiap negeri memperuntukkan sebanyak 20,000 ke 30,000 ekar tanah kepada Kementerian Pertanian demi membolehkan pelaksanaan dasar-dasar pertanian dijalankan dengan lancar dan efektif. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kepong.

4.22 *ptg.*

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi, muka surat 83, Butiran 010000—Pentadbiran Am, Program 010200 Perancangan dan Pembangunan serta muka surat 28, Anggaran Belanjawan, Program dan Prestasi (ABPP)—Program Pemulihan Tanah Terbiar, nampaknya telah lenyap walaupun ianya memang tercatat dalam Belanjawan pada tahun 1986 di dalam ABPP. Ini satu kelenyapan yang sangat dikesali. Kementerian sendiri tentu sedar bahawa tanah terbiar yang berjumlah kira-kira satu juta hektar bertanggungjawab bagi menurunkan pengeluaran pertanian sebanyak 1.1% setahun.

Tuan Pengerusi, jika ia, diserapkan ke dalam Projek Pembangunan Kawasan Yang Disatukan, apa pula keluasan serta peruntukan atau perbelanjaan yang dikerjakan dan dilaburkan ke dalam projek ini. Maklumat kos ini penting kerana kos pemulihan tanah terbiar yang terlalu

tinggi hanya menyumbang kepada peningkatan kos pengeluaran makanan dan melumpuhkan usaha menjimat perbelanjaan mengimport beras yang dianggarkan berkurangan sebanyak 1% dan \$4 juta dengan penurunan import sebanyak 200,000 tan metrik. Jika kos pemulihan diperlukan untuk membolehkan dan mengemukakan kesuburan tanah dan mengusahakannya maka alternatif-alternatif lain yang lebih murah dan masuk akal mesti ditinjau.

Tuan Pengerusi, satu rancangan yang lebih berkesan hendaklah diadakan untuk membuka tanah-tanah terbiar ini kepada pihak swasta supaya mengusahakan tanah ini dan satu projek yang lebih berani daripada pihak Kerajaan terpaksa diadakan.

Tuan Pengerusi, Butiran 020000, muka surat 83, dilaporkan bahawa Perbelanjaan Mengurus bernilai \$45 juta.....

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, program apa itu?

Dr Tan Seng Giaw: Butiran 02000.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Program?

Dr Tan Seng Giaw: Pertanian. Dilaporkan bahawa Perbelanjaan Mengurus bernilai \$45,441,290 dan di bawah Program 020100, Perbelanjaan Pembangunan dicatatkan sebagai \$57,000,836. Jumlah besar Butiran 020000—Pertanian, adalah \$363,852,400. Tetapi di dalam Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi ia mencatatkan Perbelanjaan Mengurus yang berjumlah \$432.4 juta dan Perbelanjaan Pembangunan sebanyak \$489 juta. Mengapa perbezaan ini berlaku jika Program 020200—Parit dan Taliair serta Program 020300—Haiwan, keduanya mencatatkan nilai

Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan yang sama di dalam Belanjawan ini.

Masalah yang sama juga berlaku bagi Butiran 030100—Perikanan di mana di dalam Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi merekodkan Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan masing-masing bernilai \$47.9 juta dan \$63.5 juta sementara di dalam muka surat 83 ia mencatatkan perbelanjaan Mengurus sebanyak \$31,340,600 dan Perbelanjaan Pembangunan \$46,406,000 secara langsung dan \$4,909,000 sebagai pinjaman iaitu jumlah besar \$51,315,000. Jadi, pihak Perikanan terpaksa menjelaskan dengan sedaya upaya mengapa ada perbezaan yang begitu besar dan inilah Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas tidak begitu faham mengenai perbelanjaan ini.

Tuan Pengerusi, Program 020300—Haiwan, mukasurat 83 di bawah Aktiviti Latihan. Sama ada kursus jangka pendek, ijazah lanjutan atau seminar luar yang dikendalikan di luar negeri seramai 48, 67 dan 67 orang bagi tahun-tahun 1985, 1986 dan 1987, bukankah ianya lebih murah untuk mengajikan seorang pakar asing untuk mengajar para pegawai di negara ini. Apakah bahagian daripada peruntukan Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan yang dibelanjakan ke atas bentuk latihan ini bagi setiap tahun tersebut, Jadi, ini tidak menguntungkan negara jikalau mereka ini dihantar keluar negeri untuk mendapat ijazah sahaja kerana saya tidak nampak apa prestasi bila mereka kembali ke negara ini.

Tuan Pengerusi, Butiran 030000—Perikanan, mukasurat 84, di bawah Aktiviti Pentadbiran dan Perancangan, bilangan bengkel, seminar dan persidangan yang dihadiri oleh Jabatan ini di luar negeri amatlah banyak iaitu 45, 55 dan 55 masing-masing bagi tahun-tahun 1985, 1986

dan 1987. Jumlah pegawai yang dihantar keluar negeri dalam tahun-tahun tersebut adalah masing-masing 66, 70 dan 80 orang. Adakah seminar, bengkel dan persidangan tersebut sangat-sangat diperlukan? Berapakah dibelanjakan di bawah Aktiviti ini khasnya untuk penghantaran pegawai-pegawai keluar negeri yang menghadiri seminar, bengkel dan persidangan itu. Dari segi perikanan, saya diberi tahu bahawa Kerajaan mempunyai satu rancangan untuk membelanjakan \$150 juta untuk memperolehi 500 buah perahu pukat tunda beratnya 70 hingga 100 tan dan kerana inilah hendak latihkan nelayan-nelayan di negara ini dengan memindahkan teknologi daripada Thailand dengan membenarkan mereka dari Thailand dengan membenarkan mereka dari Thailand untuk mengerjakan, untuk menangkap ikan di perairan Malaysia.

Tuan Pengerusi, Butiran 06000, 07000, 08000, 09000 dan 100000, mengenai Pertubuhan Peladang dan sebagainya. Jadi, walaupun Lembaga Kemajuan Ikan mendakwa bahawa aktiviti audit dalamnya telah meningkatkan dari kedua-dua segi bilangan audit, kewangan, pengurusan, penyeliaan, ulasan pendaftar ke atas akaun penamat PNK dan SKN yang diaudit, Laporan Tahunan yang diedarkan di dalam Dewan ini hanyalah setakat tahun 1977. Itulah Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan hendaklah mengambil perhatian kerana ia tidak langsung menumpukan perhatian ke atas audit dan akaun ini—satu kecuaihan juga.

Begitu juga dengan perbadanan-perbadanan yang lain iaitu MADA, FAMA, KADA, LPP dan Bank Pertanian Malaysia. Penganalisaan prestasi aktiviti Kementerian menerusi perbadanan-perbadanan yang adil, objektif dan menyeluruh, sukar dibuat sekiranya laporan tahunan mereka

yang terbaru tidak diedarkan. Angka-angka yang tersedia ada di dalam Buku Anggaran Belanjawan, Program dan Prestasi ini hanya dapat memberi gambaran yang terhad. Jadi, kalau tidak angka-angka yang cukup bagaimana hendak Ahli-ahli Parlimen dapat tahu dengan apa yang terjadi dengan MADA, FAMA dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, Butiran 01000 Maksud Pembangunan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu, mukasurat 86. Hampir semua projek kecuali 08 Perlis tidak membelanjakan peruntukan tahun 1985 dengan sepenuh-penuhnya. Yang paling besar sekali baki peruntukan adalah 07 Rompin-Endau di ikuti dengan 02 Lembah Kedah dan 06 Kemasin-Semarak I. Projek 07 Rompin-Endau menerima pindaan perbelanjaan sebanyak \$16,138,800 dalam tahun 1985, perbelanjaan sebenarnya bagi 1981 hingga 1984 dalam Buku Belanjawan ini adalah \$66,093,247, perbelanjaan sebenar bagi 1981/1985 adalah \$81,018,281 iaitu hanya \$14,925,034 dibelanjakan meninggalkan baki sebanyak \$23,392,566. Sekiranya penjimatan perbelanjaan sebanyak \$23 juta membayangkan kecekapan dan penjimatan penggunaan wang di pihak Kementerian ianya amat menggalakkan akan tetapi apakah pula yang terjadi kepada baki-bakinya. Apakah sebab-sebab yang sebenarnya bagi baki sebesar ini?

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah habis.

Dr Tan Seng Giaw; Satu minit sahaja lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak boleh, itu sudah lebih.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya gulung.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila gulungkan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, dengan itu perbelanjaan peruntukan yang diminta di dalam Dewan yang mulia ini, jadi pihak yang berkenaan terpaksa menggunakan wang ini. Kalau tidak dapat menggunakan wang ini apa pasal, apa gunanya tahun ini meminta wang daripada Dewan ini lagi.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, Butiran 050000 Institut Penyelidikan Kemajuan Pertanian Malaysia—MARDI.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Cukuplah Yang Berhormat. Ramai lagi yang hendak bercakap. Ahli Yang Berhormat dari Mukah.

4.32 ptg.

Dr Leo Michael Toyad (Mukah): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh serba sedikit dalam peruntukan untuk tahun 1987—Kementehhan Pertanian di bawah Maksud Pembangunan P.19 di bawah Butiran 00100—Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan. Saya sangat sukacita kerana peruntukan walaupun dalam kiraan yang ekonomi kita yang tidak begitu sihat, peruntukan untuk tahun 1987 masih ditetapkan di kawasan Sarawak.

Saya ingin menyentuh Butiran 00100/02—Sarawak, kerana saya percaya ini adalah satu langkah untuk menambah atau memperbaiki lagi saluran-saluran pemasaran pertanian di wilayah Sarawak, kerana saya ingin membuat perhatian di sini, bahawa saya percaya bahawa ada lagi tempat atau peluang untuk kita meninggalkan lagi pendekatan-pendekatan dalam pemasaran bahan-bahan pertanian di luar bandar kerana kalau kita melihatkan sekarang bahawa pendekatan yang berasaskan atas

marketability, dengan izin, bahan-bahan pertanian sebagai yang telah dijelaskan oleh Timbalan Menteri Pertanian dalam Dewan ini pada hari yang lepas bahawa bila di kawasan-kawasan tanaman-tanaman yang sudah ada, tanaman seperti terung atau timun memang semua yang bertanam timun kerana kawasan itu memang sesuai untuk tanaman-tanaman yang begitu.

Saya harap kalau FAMA dapat lebih giat lagi dalam Kawasan-kawasan di mana tanah itu sesuai untuk satu tanaman, biarlah kita jangan mengurangkan tanaman-tanaman seperti timun atau terung kalau sesuai di kawasan itu. Biarlah kita mencari cara-cara pasaran atau cara untuk menjualkan bahan-bahan tanaman itu yang lebih di dalam musim itu. Kalau timun kita boleh jeruk timun dan begitu juga cadangan-cadangan Menteri Pertanian, saya setuju kerana bila dia memandangkan bahawa kelapa-kelapa tua tidak berharga, biar kita menjualkan kelapa muda. Jadi berikutan dari itu, saya harap FAMA atau Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dapat menambahkan lagi, atau memperbaiki lagi pemasaran-pemasaran di mana kawasan-kawasan yang sesuai untuk satu-satu tanaman itu biarlah kita galakkan dan biarlah kita mencari bukan sebagai orang tengah sahaja tetapi, "create a market" dengan izin, membuka pasaran, janganlah kita menunggu permintaan pasaran sahaja.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua saya ingin menyentuh pada hari ini adalah di bawah Perkara P.19 mukasurat 85 juga 00500 Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Di sini saya ingin meminta penjelasan dari Kementerian Pertanian bahawa peruntukan di bawah Butiran ini, adakah untuk membeli bot-bot atau adakah untuk memberi subsidi-subsidi di kawasan-kawasan nelayan. Saya

ingin memberi satu cadangan bahawa kalau boleh peruntukan-peruntukan seperti ini, subsidi kita dapat ditukarkan dengan cara kredit yang tidak berapa membebankan kepada nelayan-nelayan kita sekarang.

Perkara yang kedua saya ingin meminta penjelasan dari Kementerian Pertanian ialah di bawah perkara P.19—24200 di mukasurat 93. Di sini saya ingin cuma bertanya di bawah peruntukan cara langsung ini untuk tahun 1987 yang berjumlah \$9,855,000. Kerana di kawasan saya iaitu Mukah ada satu cadangan atau projek, bukan cadangan lagi tetapi telah diluluskan satu projek untuk kompleks perikanan atau fishermen's complex, dengan izin, di mana kemudahan-kemudahan untuk nelayan-nelayan di kawasan itu mengendali dan memasarkan atau menyimpan dan juga mendapat kemudahan-kemudahan lain sebagai seorang nelayan.

Apa yang saya telah diberitahu bahawa projek ini telah menghadapi satu masalah teknikal sebenarnya bahawa peruntukan tidak mencukupi kerana technical estimation telah tidak begitu tepat, tetapi saya tidak ingin menyalahkan siapa-siapa, Tuan Pengerusi, cuma saya ingin tahu Menteri Pertanian memberitahu dalam Dewan ini bahawa adakah masalah ini telah diselesaikan kerana kalau tidak salah saya, peruntukan telah dipinta dalam jangka \$1 juta atau \$2 juta untuk tambahan dalam projek ini. Kerana pada masa sekarang di kawasan ini dahulu ada satu tempat mengangkut ikan atau menyimpan ikan, tetapi sekarang kawasan itu telah dirobuhkan untuk membangunkan kompleks ini.

Jadi, sekarang terpaksalah nelayan-nelayan itu masih bergantung kepada pengeluaran air batu dari pembekal-pembekal di luar atau pembekal-pembekal haram. Tetapi saya

berharap projek ini dapat dipercepatkan oleh kerana keadaan ini adalah membebankan dari segi ongkos perbelanjaan para nelayan yang ada di kawasan ini. Dengan itu saya minta Kementerian Pertanian memberikan penjelasan di Dewan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah.

4.41 ptg.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim (Kuala Kedah): Tuan Pengerusi, saya ingin juga mengambil bahagian di dalam perbahasan di bawah Kementerian Pertanian iaitu Maksud B.19, mukasurat 184 iaitu Butiran 050000—MARDI dan juga Butiran 060000 iaitu FAMA dan juga bagi mukasurat 85 di bawah Maksud P.19, Butiran 00100.

Tuan Pengerusi, seperti mana juga yang disebutkan oleh rakan-rakan saya di dalam Dewan yang mulia ini, negara kita mengimport keperluan makanan dengan begitu banyak sekali termasuklah beras. Untuk itu kita sebagai negara pertanian perlulah mengambil perhatian seperti penyelidikan mutu benih dan keluaran oleh MARDI hendaklah sentiasa dilakukan. Keperluan saluran ataupun air yang cukup di mana taliair seumpama KEMUBU, KADA, dan juga MADA hendaklah diperluaskan ke kawasan lain di mana yang sesuai untuk meningkatkan tanaman dari satu musim kepada dua musim.

Pengecualian duti import bagi peralatan pertanian seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian pada tahun yang lalu adalah juga dialu-alukan. Tuan Pengerusi, di samping itu tanaman perdagangan lain juga perlu dimajukan. Sebagai contohnya, kita terus mengimport bawang dan cili dari negeri Thai dengan kadar yang agak

banyak, sedangkan bahan-bahan itu boleh ditanam dan hidup subur di negara kita. Langkah-langkah yang sewajarnya perlu diambil seperti memberikan insentif baru kepada mereka dengan penyelidikan benih dan mutu benih yang lebih baik dan jika perlu mereka patut di berikan subsidi. Subsidi di sini bukanlah bermaksud untuk melahirkan "masyarakat subsidi" tetapi demi untuk mengurangkan perbelanjaan negara terhadap pengimportan bahan-bahan makanan.

Tuan Pengerusi, di negara kita ini masih mempunyai kawasan-kawasan luar bandar yang mempunyai potensi projek pertanian. Walau bagaimanapun, projek-projek pertanian tidak dapat diusahakan dengan optima oleh kerana tidak wujud integrasi antara pengeluar iaitu petani dengan saluran input dan pemasaran. Contoh pekebun-pekebun kecil getah dapat mengeluarkan hasil sampingan pertanian seperti kacang tanah, jagung, halia, kunyit, buah-buahan seperti rambutan, pisang, betik, mempelam dan sebagainya.

Selain daripada itu penduduk luar bandar dapat mengeluarkan hasil ternakan seperti daging, telur, ikan dan udang air tawar. Semua bahan-bahan ini mendapat harga yang baik sekiranya dapat dipasarkan di bandar-bandar utama ataupun diproses. Walau bagaimanapun, pekebun-pekebun kecil getah ini tidak mempunyai mengusahakan secara bersungguh-sungguh dengan menggunakan input-input pertanian yang cukup, oleh kerana faktor kesukaran saluran pasaran yang berkesan. Walaupun wujud agensi seperti FAMA dan sebagainya, masih ketara bahawa harga ex-farm yang ditawarkan oleh pemborong atau peraih tidak begitu menarik. Pihak pemborong ataupun peraih yang membeli keluaran-keluaran pertanian tidak dapat menawarkan harga yang

lebih baik oleh kerana kedudukan pengeluar-pengeluar bahan pertanian ini terletak jauh di luar bandar. Oleh itu mereka terpaksa menanggung kos pengangkutan yang tinggi.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya kita dapat menyusun satu, dengan izin, hierarchy pusat pengumpulan bagi bahan-bahan pertanian. Cara ini akan menjamin bahawa hasil pekebun kecil dapat dijual dengan harga yang lebih baik. Sekiranya perlu pusat kecil diwujudkan di pekan-pekan di daerah berkaitan bagi memproses secara kasar sebelum bahan-bahan tersebut dapat dibawa ke pusat pemrosesan utama.

Tuan Pengerusi, demikianlah sedikit sebanyak yang saya dapat mengambil bahagian di dalam perbincangan bagi Kementerian Pertanian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Parit.

4.45 ptg.

Tuan Nasruddin bin Alang Saidin (Parit): Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada muka surat 85 sehingga 89 di bawah butiran 00200, 00700, 00900, 01000 dan 03000.

Tuan Pengerusi, di bawah tajuk Sawah Terbiar yang terdapat dalam Butiran 00200—Bank Pertanian Malaysia dan juga di bawah projek pertanian yang lain-lain, di sini sudah cukup membayangkan bahawa tumpuan yang begitu pesat diberikan kepada pembangunan sawah-sawah terbiar.

Apa yang mendukacitakan saya, bukanlah dari sudut tekanan Kementerian itu sendiri, tetapi tidak ada daya upaya jika sekiranya peruntukan yang ada dijumlahkan lebih kurang \$12 juta ini lebih

mungkin tidak dapat dilaksanakan tanpa penglibatan yang mutlak daripada Kerajaan Negeri khususnya daripada Pejabat Tanah kerana punca utamanya ialah daripada tanah, penyelesaian tanah. Jadi, saya menyerulah supaya pihak yang berkenaan supaya bekerjasama untuk memastikan peruntukan yang begitu banyak dapat digunakan dengan lebih baik, dengan lebih cepat dan lebih berkesan supaya petani-petani dapat menikmati peruntukan yang telah diberikan itu.

Dalam sudut sawah terbiar itu juga saya suka menarik perhatian Dewan kepada tanah terbiar yang lebih besar, maknanya selain daripada sawah juga terdapat juga tanah-tanah terbiar yang mana tidak terdapat di dalam peruntukan dalam Belanjawan di bawah Kementerian ini. Saya rasa tanah terbiar itu juga perlu diberikan perhatian kerana lain padang lain belalang, lain petani lain seleranya. Ada yang berselera berkehendakkan dengan FELCRA, ada juga yang berselera berkehendakkan dengan Pertubuhan Peladang Kawasan.

Perbezaan dengan FELCRA dan juga Pertubuhan Peladang Kawasan jelas dan nyata kerana FELCRA adalah daripada agensi kepada petani, tetapi kalau Pertubuhan Peladang Kawasan adalah "by the farmers for the farmers", dengan izin. Jadi, saya menyerulah supaya diberi peluang yang sama juga kepada Pertubuhan Peladang Kawasan peruntukan yang sewajarnya untuk membangunkan tanah terbiar dan juga sawah terbiar. Selain daripada tanah yang terbiar, terbiar termasuklah kolam ikan terbiar, padang ragut terbiar yang mana saya rasa kolam terbiar yang sedia ada dengan kos yang minima dapat dibangunkan dengan cara yang lebih mudah iaitu cara gotong-royong, yang mana saya yakin peladang-peladang boleh melaksanakan perkara

ini jika sekiranya ada dorongan dan juga sokongan yang tidak berbelah baginya daripada Kementerian.

Padang ragut terbiar saya rasa begitu berleluasa dan saya yakin dan percaya jika sekiranya padang ragut terbiar ini dapat dimajukan dengan majunya, kosnya juga dapat dikurangkan dan saya yakin dan percaya dengan adanya pembangunan di padang ragut terbiar ini bukan sahaja kita dapat menambahkan pengeluaran hasil daging tempatan tetapi kita dapat juga mengurangkan aliran wang ke luar negara.

Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, suka juga saya menarik perhatian.....

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamad Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, kepada saya sahaja.

Tuan Nasaruddin bin Alang Saidin: Tuan Pengerusi, maaf. Sekarang saya hendak menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada Butiran 01000 bertajuk Projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu. Saya mengucapkan syabas kerana di bawah projek ini, tumpuan yang begitu pesat diberikan oleh Kementerian, tetapi yang mendukacitakan, ketumbuh blok telah tidak mendapat perhatian yang sewajarnya dalam tahun hadapan. Sebagaimana yang saya faham sangat masalah ini, sungguhpun ketumbuh blok tidak diberi peruntukan tetapi apa yang saya suka menyarankan di sini dan merayu kepada pihak Kementerian ialah sebahagian daripada ketumbuh blok yang mana mengandungi kawasan sawah padi perlulah diberi perhatian yang serius, kerana kemudahan-kemudahan jalan ladangnya tidak ada, kalau ada pun hendak mengangkut padi pun agak sukar dan tidak malulah di sini saya menyatakan banyak peladang-peladang yang sudah makan tanah kerana keadaan yang begitu uzur dan tidak malulah saya menyatakan ada

terdapat juga kematian disebabkan jalan-jalan ladang yang begitu buruk. Jadi, saya mengharap supaya jalan ladang di kawasan sawah-sawah di Perak Tengah, di bawah ketumbuh blok ini, mendapat perhatian yang serius daripada pihak Kementerian.

Selain daripada itu, saya rasa parit dan taliair juga adalah sudah out-of date, dengan izin, yang mana lebih daripada 20 tahun dan banyak yang tidak boleh dipakai, kalau sekiranya dipakai pun melibatkan kos yang begitu tinggi untuk menyelenggarakannya. Kalau boleh sedikit sebanyak dapatlah parit dan taliair ini diperbaiki supaya petani-petani di dalam sebahagian daripada ketumbuh blok ini dapat dinikmati dan juga menambahkan hasil pertanian dari masa ke semasa, insya Allah, dengan adanya kedua-dua kemudahan ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu saya suka juga menyentuh bersabit dengan penyelarasan di antara Jabatan dan juga agensi-agensi Kerajaan yang terdapat di bawah Kementerian Pertanian. Saya memang memahami hakikat masalah yang terdapat di dalam Kementerian Pertanian. Walau bagaimanapun, jika sekiranya ada penyelarasan di tahap yang tinggi saya yakin dan percaya bahawa masalah ini dapat dikurangkan. Memangnya tidak dapat dinafikan Kementerian Pertanian ini bertanggungjawab daripada "point of production until it is consumed", dengan izin, dan sektor yang terlibat dalam sektor pengeluaran, kredit, processing, marketing, transport, research and what have you, dengan izin, saya yakin kalau sekiranya pertalian ini terputus, maka terputuslah juga keadaan kelicinan perjalanan yang ada hubungan kaitnya dalam proses pengeluaran hasil pertanian ini.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, masalah yang besar juga terdapat

kalau boleh dikurangkan "ego" Jabatan ataupun agensi yang terdapat dalam Kementerian ini, kerana "ego" inilah yang menjadi batu penghalang ke arah mencapai matlamat untuk meninggikan pendapatan petani-petani di luar bandar. Jadi, kalau boleh tolonglah tumpukan kepada kumpulan sasaran petani-petani di luar bandar ini demi untuk meningkatkan taraf hidup dan juga sosio-ekonomi mereka di kampung-kampung.

Sekian sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kuala Terengganu. Selepas itu, saya akan menjemput Kementerian Pertanian untuk menjawab hujah-hujah. Sila Yang Berhormat.

4.51ptg.

Tuan Zubir bin Embong (Kuala Terengganu): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 030100 di bawah Maksud Bekalan 19 iaitu Perikanan. Tidak keterlaluan kalau saya katakan bahawa rancangan Kementerian Pertanian dalam untuk menolong nelayan di seluruh negara yang berjumlah lebih kurang 70,000 adalah merupakan satu rancangan dengan secara *ad-hoc*.

Perancangan yang dibuat itu bukanlah satu perancangan yang bersifat jangka panjang. Apa yang saya maksudkan di sini ialah bukannya dengan hanya menolong nelayan dengan memberi subsidi-subsidi ataupun kemudahan-kemudahan telah dapat menyelesaikan masalah nelayan di seluruh negara. Lagi satu aspek yang penting ialah mengenai pembiakan ikan kerana tidak ada ertinya bantuan yang sebegitu diberikan kepada golongan nelayan, sedangkan ikan tidak dapat ditangkap

kerana pupusnya ikan di laut. Dalam hal ini saya mencadangkan supaya Kementerian Pertanian menumpukan kepada perancangan untuk pembaikan ikan sebagaimana beratnya perancangan usaha menangkap ikan. Jadi, usaha pembiakan ikan hendaklah diselaraskan dan diseimbangkan dengan aktiviti-aktiviti penangkapan ikan. Adalah baik kalau Kementerian Pertanian mengambil negara Jepun sebagai satu negara yang boleh dicontohi dalam usaha pembiakan ikan ini. Daripada apa yang dilakukan sekarang boleh dikatakan pelaburan 99% adalah dibuat untuk maksud penangkapan ikan sedangkan hanya 1% sahaja pelaburan dibuat untuk maksud pembiakan.

Di negara Jepun, usaha pembiakan ini seperti penetasan dan juga pembiakan dilaksanakan dengan cermat dan begitu teliti sekali di mana kawasan-kawasan pembiakan ini dijalankan tidak dibenarkan penangkapan ikan dilakukan, dalam kawasan yang tertentu.

Usaha-usaha yang seperti ini telah menjadikan Jepun yang penduduknya lebih kurang 140 juta itu masih mampu untuk mengeksport ikan keluar negeri, sedangkan negara kita dengan hanya 15 juta orang penduduk tetapi masih lagi mengimport ikan daripada luar negeri. Kita mengimport ikan daripada luar negeri ini bukanlah kerana kekurangan tangkapan, tetapi adalah kerana kekurangan ikan di perairan kita. Jadi kalaulah usaha yang dilakukan oleh Jepun yang sudah 15 tahun yang lalu itu dapat memberikan satu hasil yang baik, tidak ada sebab kita tidak boleh mengikut dan meniru cara yang dilaksanakan oleh Jepun.

Sebab yang utama kerana pemupusan sumber ikan di kawasan perairan kita, Tuan Pengerusi, adalah kerana cara penangkapan ikan, terutama sekali dengan cara pukat

tunda. Pukat tunda ini saya difahamkan bahawa merupakan satu cara yang paling murah dibandingkan dengan cara penangkapan ikan dengan cara-cara yang lain. Sebidang pukat yang besar berharga lebih kurang \$4,000 dan yang kecil dikatakan berharga \$2,500 di mana tenaga kerja hanya diperlukan di antara 4 hingga 10 orang. Di negara kita pada hari ini pukat tunda yang telah diberi lesen ialah lebih kurang 4,000 tetapi yang tidak diberi lesen adalah lebih kurang 5,000. Pukat tunda jenis ini telah banyak merosakkan kehidupan laut, pembiakan ikan dan juga lain-lain hidupan yang menjadi sumber makanan ikan. Tambah lagi, ikan yang ditangkap daripada pukat tunda ini hanya menjadi 30% sahaja daripada pasaran dalam negeri. Tambahan pula dari hasil pukat tunda ini, 50% sahaja boleh dipasarkan sebagai ikan, sedangkan 50% lagi itu hanya dijadikan sebagai baja. Jadi, keadaan ini menjadi satu keadaan pembaziran yang besar.

Oleh kerana pukat tunda ini menjadi satu faktor perosak kepada sumber pembiakan ikan, negara Jepun telah menghadkan 10% sahaja daripada aktiviti perikanan di negara itu—itu pun hanya dibenar dilakukan di lautan dalam. Di Indonesia misalnya, 5 tahun yang lalu, mereka telah mengharamkan pukat tunda. Hasil daripada pengharaman ini, pengeluaran dan tangkapan ikan adalah telah meningkat dengan lebih tinggi di negara Indonesia. Di negara kita kesan ini kelihatan di Pantai Barat di mana kemerosotan hasil tangkapan ikan disebabkan kerana pukat tunda.

Saya difahamkan bahawa ada ura-ura di mana nelayan-nelayan daripada Pantai Barat akan dibawa ke Pantai Timur kerana hasil yang banyak sekarang ini hanyalah tinggal di bahagian Pantai Timur dan sekarang ini dikatakan bahawa nelayan-nelayan

daripada Pantai Barat telah mula menjalankan aktiviti mereka di selatan Johor.

Di Thailand, misalnya, kehabisan sumber ikan disebabkan penggunaan pukat tunda ini menjadikan satu sebab kenapa nelayan-nelayan daripada Thailand telah masuk ke perairan kita walaupun kemasukan mereka itu seringkali mengakibatkan mereka didakwa di mahkamah dan kapal atau bot mereka yang besar itu dirampas. Ini tidak menjadikan mereka serik ataupun tidak lagi melakukan kesalahan yang serupa. Boleh dikatakan tiap-tiap tahun ada sahaja tangkapan yang dilakukan oleh pihak berkuasa Malaysia. Ini menunjukkan bahawa di perairan Thailand juga telah mengalami kepupusan ikan diakibatkan daripada penggunaan pukat tunda yang begitu besar.

Saya juga difahamkan bahawa Kementerian Pertanian di bawah pembangunan perikanan ini telah memperuntukkan kepada Negeri Terengganu lebih kurang \$5 juta untuk membiakan ikan dan pembiakan ini menggunakan tayar, tetapi saya difahamkan bahawa wang yang dibelanjakan hanyalah tak sampai pun \$1 juta.

Pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, sebagaimana yang saya telah tegaskan tadi tidak ada gunanya subsidi-subsidi ataupun kemudahan-kemudahan diberikan kepada nelayan, sedangkan sumber tangkapan di laut kehabisan. Oleh itu, saya mencadangkan kepada Kementerian Pertanian supaya memerhati dan membuat penyelidikan tentang pembiakan ikan di laut dan peranan Pusat Penyelidikan Perikanan di Pulau Pinang hendaklah digunakan dengan semaksima mungkin faedahnya untuk kepentingan nelayan. Dan juga, kalau perlu hendaklah ditubuhkan beberapa pusat penyelidikan perikanan yang mana pada masa sekarang ini di Pantai

Timur belum lagi diadakan. Jadi, saya mengesyorkan supaya pusat penyelidikan perikanan ini diadakan di Pantai Timur.

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia juga haruslah diberikan peranan yang lebih luas supaya meliputi soal-soal pembiakan dan dengan itu dapatlah mereka menyusun strategi-strategi yang dapat membantu nelayan-nelayan di seluruh tanahair.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai Akta Perikanan. Walaupun saya tidak datang dari Negeri Perlis, tetapi saya difahamkan bahawa Akta Perikanan ini adalah terlalu ketat peruntukannya di mana nelayan-nelayan daripada negeri-negeri yang berkenaan tidak boleh mencerooboh di kawasan negeri yang lain. Melihat kepada kedudukan negeri Perlis yang kecil, bagi satu batu persegi, saya difahamkan adalah 6 biji bot, jadi kalaulah keluasan perairan negeri Perlis itu di mana semua nelayan-nelayan negeri Perlis keluar pada satu masa dan ketika, tentulah aktiviti menangkap ikan ini akan menjadi satu pesta laut bagi nelayan-nelayan negeri Perlis. Jadi, saya memohon agar kawasan perairan ini disatukan di antara negeri Perlis dan juga negeri Kedah supaya lebih memudahkan lagi nelayan-nelayan daripada negeri tersebut untuk menjalankan aktiviti menangkap ikan.

Saya kira itulah sahaja yang dapat saya sampaikan kepada Kementerian Pertanian untuk kali ini.

Tuan Pengerusi (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.08ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Pengerusi, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang

telah mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai Kementerian Pertanian dengan memberi cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang membina yang mana saya fikir dapat membantu di dalam usaha-usaha untuk meningkatkan pendapatan para nelayan dan para petani di negara kita.

Oleh kerana banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan di atas anggaran yang diperuntukkan khas bagi berbagai-bagai Jabatan di bawah Kementerian Pertanian untuk tahun 1987, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran dan telah membawa syor-syor untuk meningkat dan meninggikan taraf hidup para petani dan para nelayan di negara ini.

Sekiranya saya tidak dapat memberi jawapan dengan satu per satunya di atas teguran-teguran yang telah pun diucapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini, saya mohon maaf, bukanlah pihak Kementerian tidak meneliti serta tidak memperhatikan dan tidak mengambil tindakan yang berat terhadap syor-syor ataupun teguran-teguran tersebut, bahkan pihak kita dengan daya usaha untuk membuat perhatian yang lebih mendalam terhadap syor-syor ini dan pihak kita juga akan mengambil tindakan dan agensi-agensi di bawah Kementerian pula akan berusaha dengan lebih giat lagi menolong serta meningkatkan hidup para petani dan para nelayan di negara kita di Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani kelmarin telah mengambil bahagian di dalam perbincangan ini serta pihak beliau telah memberi amaran jikalau pihak kita tidak mengambil tindakan yang sempurna untuk meningkatkan taraf hidup para petani dan nelayan di luar bandar tentu sekali keadaan di negara kita ini

akan mengalami keluh-kesah dan orang-orang yang kaya-kaya yang mempunyai kereta yang besar-besar, para orang yang kaya yang mempunyai bangunan yang baik ataupun yang cantik akan menghadapi merbahaya dan juga kata beliau isteri-isteri yang comel-comel tidak akan begitu bebas berjalan di jalanraya oleh kerana keadaan kemiskinan, itu pun saya percaya oleh kerana apa; jikaiaiu kita biar, kita tidak mengambil tindakan yang sempurna dan tidak mengambil tindakan yang berat terhadap masalah para petani di luar bandar, mereka ini akan dapat dipengaruhi oleh anasir-anasir subersif ataupun para kumpulan yang mempunyai ideologi yang mengambil kesempatan atas kemiskinan dan atas kepapaan rakyat itu. Ini saya bersetuju.

Jadi, adalah menjadi kelaziman bagi pihak Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan sebagaimana yang telah pun disebut oleh beliau yang mengatakan pertimbangan yang wajar haruslah diambil oleh pihak Jabatan Haiwan sebelum memberi pawah ataupun memberi bantuan kepada pihak petani. Ini adalah tanggungjawab Kementerian Pertanian melalui Jabatan Perkhidmatan Haiwan mengkajikan binatang ternakan kepada penternak-penternak yang dipilih oleh Jabatan berdasarkan beberapa faktor yang dirumuskan melalui penelitian, penyelidikan terhadap mereka.

Di antara faktor tersebut yang diambil kira ialah minat mereka dalam bidang ternakan, kemampuan dalam aspek pengurusan melalui latihan, kejujuran—ini penting, kewibawaan mereka, malahan dalam beberapa program syor-syor yang dikemukakan oleh Jabatan Kemajuan Keselamatan Kampung (JKKK) pun diambil kira. Oleh kerana kita tidak mahu sebilangan petani-petani yang

mengatakan mereka berminat dalam bidang ini dan mereka akan tidak memastikan diri supaya memelihara binatang ternakan itu dengan sempurna supaya mereka dapat untung daripada rancangan ini.

Sebagaimana yang saya telah jelaskan dari mula tadi, Tuan Pengerusi, saya mohon izin supaya saya dapat menyebutkan semua nama Ahli-ahli yang telah mengambil bahagian ini dan juga saya memberi assurance, dalam Dewan yang mulia ini apa yang telah dilaporkan, teguran-teguran yang telah pun dibuat di dalam perbincangan ini akan kita ambil perhatian, oleh kerana mengikut siasatan saya di sini, saya mengetahui bahawa pihak Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani, Ahli Yang Berhormat dari Jempol, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, Ahli Yang Berhormat dari Arau, Ahli Yang Berhormat dari Keluang, Ahli Yang Berhormat dari Kepong, Ahli Yang Berhormat dari Mukah, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah, Ahli Yang Berhormat dari Parit dan yang terakhir Ahli sekali Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu. Jadi, oleh kerana saya tidak dapat memberi jawapan terhadap semua syor dan teguran yang telah pun dibuat oleh pihak Ahli-ahli Yang Berhormat ini, saya cuba menjawab beberapa perkara yang saya anggap penting iaitu daripada kawan baik saya, Yang Berhormat dari Kepong.

Oleh kerana Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi telah membuat beberapa bantahan terhadap beberapa rancangan yang dianggap tidak berapa betul oleh kerana dalam kiraan beliau, khasnya iaitu Endau/Rompin katanya, anggaran itu banyak yang tidak digunakan oleh pihak Jabatan yang bertanggungjawab terhadap projek ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Saya hendak memberi keterangan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong, mulanya dahulu projek ini kebanyakan tempat di situ dikhaskan untuk tanaman padi. Oleh hal yang demikian, anggaran yang telah pun dipohon oleh Jabatan yang bertanggungjawab terhadap projek tersebut sudah begitu banyak, tetapi oleh kerana kita telah membuat penggubalan terhadap dasar projek itu; kita sudah mengurangkan kawasan tanaman padi. Jadi, perbelanjaan yang telah diperuntukkan khas untuk projek tersebut telah dikurangkan.

Oleh hal yang demikian, baki anggaran tersebut nampaknya banyak yang tinggal, tidak digunakan. Walau bagaimanapun, wang itu bukan pihak Kerajaan ambil dan buang ke dalam laut, bahkan kita akan menelitikan dalam bidang yang lain yang mana yang memerlukan banyak lagi anggaran, kita harus menyalurkan anggaran tersebut untuk kemajuan dan untuk kemewahan rakyat negara kita yang kita membelakan di Malaysia ini.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Minta penjelasan, Tuan Pengerusi. Endau/Rompin salah satu sahaja. Ada banyak lagi, Perlis pun ada, 08 dan Lembah Kedah, Kemasin/Semarak dan sebagainya. Apa yang telah terjadi dengan baki projek-projek tersebut. Bukan sahaja Endau/Rompin.

Tuan Luhah Wan: Tuan Pengerusi, saya belum habis lagi untuk menjawab Ahli Yang Berhormat dari Kepong, tetapi beliau tidak begitu sabar. Jadi, saya mohon beliau sabar sedikitlah

kerana sebelum Yang Berhormat dari Kepong, tempat dia itu tempat saya dahulu (*Ketawa*). Untuk membuat bantahan ini sangat senang. Bila perintah buat, saya beri tahu kepada rakyat oleh kerana saya bising, Parlimen perintah buat. Kalau perintah tak buat, saya kata: perintah ini apa guna. Ini perintah jahat. Kalau undi jangan diundi perintah ini. Senang. Tetapi bila kita sudah menjadi perintah, sudah menjadi Menteri, hendak bertanggungjawab bukan begitu mudah. Sukar sekali. Kalau saya di tempat dia dahulu, saya bercakap lebih banyak. Tanya Yang Berhormat dari Tanjong. Dia ini sedikit sahaja, dia rasa diri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, yang itu out of order. Saya minta Yang Berhormat teruskan ucapan jawapan tadi (*Ketawa*). Saya ingat itu tak bersangkutan dengan perkara ini.

Tuan Luhah Wan: Bukan. Tuan Pengerusi, kerana dia ini "dudi" dari saya. Jadi, saya pun minta Yang Berhormat dari Tanjong itu mengatakan "betul" kepadanya. Itu sudah cukup.

Tuan Pengerusi: Sabar sedikit ya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Pengerusi, apa hal yang saya daripada Tanjong? (*Ketawa*)

Tuan Luhah Wan: Tuan Pengerusi, kerana kami berdua ini dari mula dahulu dalam Pembangkang pun kawan baik, sekarang pun kawan baik; tentu sekali dia ini lebih tahu mengenai kesukaran kita di dalam perintah dan di pihak Pembangkang dahulu senang kalau kita membuat bantahan.

Tuan Pengerusi: Sila teruskan.

Tuan Luhah Wan: Okay.

Tuan Pengerusi: Ya, siia teruskan.

Tuan Luhah Wan: Tuan Pengerusi, mengenai Ahli Yang Berhormat dari Kepong beliau mengatakan bagaimana kita menghantar pegawai-pegawai pergi seminar ataupun training di luar negeri, saya kira ini pun satu perkara yang kita harus telitikan. Maksud kita ini bukan hanya hantar mereka ini pergi training ataupun menghadiri seminar itu, balik, lalu duduk dalam kamar—tidak. Mereka ini digunakan untuk menyebarkan pelajaran yang telah pun dipelajari di luar negeri baik di negara-negara mana di dunia ini. Itu sebabnya kita hantar pegawai-pegawai kita ke luar negeri.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, dia bangun pula. Hendak beri jalan?

Tuan Luhah Wan: Tidak usahlah, nanti bila saya habis, saya cakap dengan dia di luar, boleh? (*Ketawa*)

Yang Berhormat dari Kepong tadi suka sangat dengar jawapan terhadap masalah yang ditimbulkan oleh beliau iaitu Kemasin-Semarak, Lembah Kedah, kebanyakannya adalah disebabkan oleh masalah berkaitan dengan pengambilan balik tanah. Ini yang menjadi kesukaran bagi kita di kawasan tersebut. Jadi saya minta pihak Yang Berhormat, kalau ada masa lapang melawat ke situ, beritahu kepada para petani supaya mereka dapat bekerjasama dengan pihak kita supaya kita dapat menunai dan melaksanakan projek ini untuk kepentingan mereka, bukan untuk kepentingan kita sendiri.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Tuan Luhah Wan: Bolehlah, satu kali ini boleh (*Ketawa*).

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, yang sebenarnya Yang Berhormat

datang ke Dewan ini, kita kawan juga, tetapi hal-hal perbelanjaan.....

Tuan Pengerusi: Yang itu tidak kena mengena dengan kawan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ini hal perbekalan, beliau datang ke Dewan ini untuk minta wang tetapi kalau hendak minta wang walaupun satu sen hendaklah ada accountability. Itulah saya kata pihak penduduk tidak membenarkan tanah digunakan, mengapa ada satu rancangan di mana tidak ada "feasibility study" dan sebagainya. Pengambilalihan tanah yang penting untuk projek-projek. Kalau soal ini tidak diselesaikan, mengapa ada satu projek yang peruntukannya begitu besar? Itulah sahaja.

Tuan Luhah Wan: Tuan Pengerusi, bukan pihak Kementerian Pertanian sahaja yang datang ke Dewan ini mohon peruntukan untuk tahun baru, bahkan semua Jabatan, semua Kementerian. Jadi saya tidak sedar di mana projek yang tidak dibuat penyelidikan terlebih dahulu untuk dilaksanakan sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Apa yang diketahui oleh pihak saya, sebelum Kerajaan membuat mana-mana satu projek, kita harus membuat penelitian terlebih dahulu. Selepas itu jikalau projek itu boleh menguntungkan pihak rakyat, barulah kita melaksanakan projek-projek. Kita tidak dengan sebarang sahaja membuat rancangan ataupun melaksanakan projek-projek yang kita anggap tidak menguntungkan. Jadi ini adalah hanya tuduhan, apa yang kita sebut "angin-angin" belaka, bukan betul.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong juga mengatakan 500 bot pukut tunda, peruntukan Jabatan Perikanan tidaklah untuk membina atau memperluaskan 500 perahu pukut tunda. Walau bagaimanapun, Jabatan

Perikanan telah menetapkan iaitu sejumlah lebih 600 bot pukut tunda, pukut jerut, boleh dikeluarkan lesen untuk diterokai di perairan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia. Bilangan 600 yang telah pun diberi lesen dan bukan sebagaimana yang disebabkan oleh Yang Berhormat itu, angka yang sebenarnya, bahkan sebagaimana yang saya sebut tadi 600 bot pukut tunda. Ini angka yang benar.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Kepong bangun pula.

Tuan Luhut Wan: Nantilah, saya jawab kepada Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa dahulu. Kalau ada masa, baru saya jawab Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan. Sekarang Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa dahulu.

Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tadi telah menyentuh berbagai-bagai aspek termasuklah tanah sawah terbiar. Kata beliau, masa colony dahulu jarang sangat kita melihat sawah-sawah terbiar, sekarang barulah kita Hhat banyak tanah-tanah terbiar, sawah-sawah terbiar. Untuk perhatian Ahli Yang Berhormat, kita tidak dapat membandingkan masa kemerdekaan Malaysia ini dengan pemerintah penjajah dahulu. Kita tidak ada pilihan lain semasa penjajah dahulu—saya tidak tahu di Semenanjung. Di Sarawak, saya sudah besar semasa penjajah dahulu, mereka tidak dapat memberi apa-apa bantuan untuk menolong para petani. Peluang para petani menukar kerjanya menjadi peniaga dan menceburkan diri dalam bidang lain untuk mencari nafkah hidup pun sukar, tetapi sekarang oleh kerana kita telah merdeka, kita tidak memaksa para petani itu tetap turun-menurun menjadi petani. Jikalau mereka ada minat, ada pengetahuan, kalau ia ada

modal mahu menceburkan diri dalam bidang perniagaan, kita biarkan. Mungkin juga oleh kerana hal yang demikian, para petani ini oleh kerana sudah begitu bosan dari turun-temurun jadi petani, mereka pun mencari usaha lain untuk mencari nafkah hidup. Mereka boleh meninggalkan bendang yang ia kira tidak menguntungkan. Ini pun boleh jadi salah satu daripada kejadian ini.

Juga beliau mengesyorkan supaya pihak Kerajaan jangan lagi memberi bantuan khasnya atas baja padi. Tetapi perkara ini pada masa ini kita tidak dapat menghentikan pemberian subsidi baja padi ini kepada para petani, oleh sebab memikirkan para petani ini sangat memerlukan baja untuk mendapat hasil dari ladang padi mereka. Jadi pihak kita pada masa sekarang memberi pertolongan ataupun bantuan baja padi kepada para petani yang memerlukan, khasnya dalam kawasan MADA, KADA dan di mana-mana tempat ladang sawah padi negara yang begitu luas kita harus beri.

Beliau juga mengatakan pihak Kerajaan tidak begitu adil dalam membahagikan pertolongan atas subsidi baja padi ini. Ini pihak saya tidak sedar tetapi saya beritahu Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, kita akan membuat penelitian terhadap perkara ini, betulkah ataupun tidak hal yang demikian telah pun berlaku di antara para petani, kerana pihak Kerajaan memberi baja padi ini kepada para petani ini tidak memilih kasih, siapa sahaja yang memerlukan kita harus serah kepada pihak Jawatankuasa Kampung supaya mereka dapat membuat penelitian dan membahagikan baja-baja padi ini kepada para petani dengan cara yang adil. Ini saya beritahu kepada Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa, pihak saya akan membuat pemeriksaan atas apa yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Mukah, saya ingat penting juga beritahu Ahli Yang Berhormat ini, dia begitu kluatir mengenai masalah yang dihadapi oleh pihak para nelayan di kawasan beliau. Kita sudah membuat beberapa keputusan terhadap masalah ini dan juga pihak Kerajaan sendiri bagaimana yang telah pun disebut oleh Yang Berhormat tadi, kita sekarang sedang membangunkan kompleks pehkanan di kawasan itu. Bila kompleks perikanan ini sudah siap nanti, projek ini akan memberi manfaat kepada semua para nelayan yang diam di daerah Mukah.

Masalah yang disebut oleh Yang Berhormat tadi mengenai air batu untuk kegunaan para nelayan ke laut, ketika ini kita juga sentiasa menghubungi pihak perikanan di Sarawak supaya Jabatan Perikanan di Sarawak dapat menolong serta meneliti kesukaran ataupun kesusahan yang dihadapi oleh pihak para nelayan di negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi, oleh kerana masa tidak mengizinkan untuk memberi jawapan atas semua soal-soal dan teguran-teguran oleh para pihak Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, saya mohon maaf dan mohon ampun tetapi pihak Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam beberapa projek yang telah pun disebut oleh pihak Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, kita dengan bersungguh-sungguh meneliti serta menolong dan melaksanakan projek-projek itu supaya para nelayan dan para petani-petani yang kita tempatkan di kawasan-kawasan tersebut dapat menikmati projek-projek yang kita bina untuk mereka ini.

Dengan ini saya sekali lagi ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam

perbincangan ke atas anggaran yang diongkoskan untuk Kementerian Pertanian dan agensi-agensi di bawahnya. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$363,852,400 untuk Maksud B. 19 di bawah Kementerian Pertanian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$363,852,400 untuk Maksud B.19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$808,680,000 yang disebutkan dalam Maksud P.19 dalam Anggaran Pembangunan 1987 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$808,680,000 untuk Maksud P.19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembaneunan 1987.

Maksud B.20 (Jadual)—

Maksud P.20 (Anggaran Pembangunan 1987)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.20 dan Kepala Pembangunan P.20 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

5.35 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 100 di bawah Maksud B.20 Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Butiran 03000, Program Penggalakan Perindustrian.

Tuan Pengerusi, sebahagian penting telah menggalakkan perindustrian ialah untuk menarik wang pelaburan asing ke negara kita bagi tujuan mengembangkan sektor perindustrian pembuatan di Malaysia. Pada masa kini adalah terdapat di Malaysia kira-kira 1,500 buah syarikat antarabangsa dari 30 negara-negara asing. Lebih kurang sebanyak \$16 ribu juta dari luar telah dilaburkan dalam tempoh 10 tahun dari tahun 1971 sehingga 1982. Langkah menggalakkan pelaburan asing ini akan mengekalkan kedudukan ekonomi Malaysia, memperbaiki keadaan liquidity dalam negeri yang kurang memuaskan sekarang dan melahirkan peluang pekerja bagi rakyat Malaysia.

Akan tetapi, Tuan Pengerusi, saya rasa sedikit pesimistik, dengan izin, tetapi penambahan pelaburan asing. Aktiviti pelaburan asing telah berturutan pada tempoh beberapa tahun yang lepas. Satu faktor yang amat penting untuk menarik pelaburan asing ialah mewujudkan suasana ekonomi yang sesuai dan amalan perdagangan yang dapat dipertanggungjawabkan. Tidak dapat dinafikan bahawa pelabur asing akan tertarik jika pelabur Malaysia sendiri juga melaburkan wang mereka di sektor perindustrian di Malaysia sendiri. Soal pokok. Tuan Pengerusi, ialah berapakah orang warganegara Malaysia telah memindahkan pelaburan mereka keluar negeri, contohnya ke Singapura, Hong Kong, Australia dan sebagainya. Berapa banyakkah wang telah diterbangkan ke negara-negara asing sebagai, dengan izin "capital flight" dari negara Malaysia? Menurut kajian-kajian yang dibuat oleh pihak swasta tertentu capital flight, dengan izin, itu merupakan pemindahan wang sebanyak kira-kira \$10 billion dalam tempoh sepanjang 10 tahun lepas. Saya difahamkan bahawa anggaran ini tidak begitu tepat, mungkin overstated, tetapi tidak dapat dinafikan

capital flight, dengan izin, berlaku. Seperti kita maklum, capital flight menjadi satu masalah serius bagi negara-negara Latin Amerika. Pihak tertentu seperti ahli-ahli bank dan ahli-ahli ekonomi di Latin Amerika menganggarkan bahawa perhutangan luar masalah itu tidak menjadi masalah besar bagi negara-negara berkenaan jika capital flight tidak melibatkan keluaran wang tempatan secara besar-besaran.

Maka kita harus mengenalpasti sejauh manakah wang pelaburan tempatan telah terbang keluar negeri dari Malaysia dan apakah sebabnya yang menimbulkan masalah capital flight ini di Malaysia? Adakah warganegara Malaysia melaburkan wang mereka ke luar negeri kerana mereka telah kehilangan keyakinan dengan kredibiliti sistem dan institusi sosio politik di Malaysia? Adakah benar bahawa mereka tidak mempunyai keyakinan di dalam sistem ekonomi Malaysia yang melahirkan satu siri skandal-skandal yang melibatkan institusi-institusi kewangan, koperasi-koperasi dan pasaran sabam di Malaysia? Adakah benar bahawa Industrial Co-ordination Act ataupun (ICA) menjejaskan keyakinan diri di antara pelabur-pelabur tempatan kerana perkara-perkara di bawah ICA itu menghadkan kebebasan koperasi mereka?

Ingin saya mencadangkan, Tuan Pengerusi, satu kajian dibuat secara menyeluruh dan mendalam ke atas penyelesaian masalah bagaimanakah kita boleh mendorong pelaburan oleh warganegara Malaysia di dalam Malaysia sendiri untuk tujuan mencegah capital flight. Kajian ini adalah wajar untuk menunjukkan kepada pelabur-pelabur asing bahawa rakyat Malaysia ada keyakinan terhadap masa depan Malaysia sendiri. Maka usaha menarik pelaburan asing akan berjaya. Kalau

perlu, kita harus menimbangkan pindaan kepada ICA dengan melonggarkan syarat-syarat tertentu yang diragukan dengan memberi dorongan-dorongan konkrit kepada pelabur-pelabur tempatan iaitu rakyat Malaysia sendiri supaya mereka digalakkan menyimpan wang di dalam negara kita sendiri.

Perkara kedua yang saya ingin sentuh ialah muka surat 99, Butiran 01000—Pentadbiran Am di bawah Kod 1000—Emolumen.

Tuan Pengerusi, wang di bawah Kod ini diminta ialah, antara lain, untuk tujuan memberi gaji kepada Menteri, Timbalan Menteri dan kakitangan mereka untuk menguruskan hal ehwal Kementeriannya melaksanakan dasar Kerajaan. Saya menarik perhatian Dewan ini kepada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian dalam masa soalan jawab mulut pada 11hb November, 1986 iaitu minggu lepas. Apabila belian ditanya oleh Yang Berhormat rakan saya dari Bukit Bendera: Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk memberhentikan pengeluaran rokok Rothmans kerana Rothmans International adalah pemegang saham dari Afrika Selatan, sebuah negara yang mengamalkan dasar apartheid. Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dan saya ingin baca dari *Hansard*, beliau berkata seperti berikut:

"Rothmans International P.L.C. atau Syarikat Rothmans International adalah sebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham London dan pemegang saham utama ialah ada 3 jenis:

- (i) Rothmans Tobacco Holdings Limited. Mereka memegang 26%;
- (ii) Philip Morris Incorporated 32%; dan

- (iii) Public iaitu 10,000 orang pemegang individu dan institusi dan mereka memegang 42% saham.

Rothmans Tobacco Holdings Limited dan Philip Morris Incorporated dipercayai tidak mempunyai sebarang pelaburan dari rakyat Afrika Selatan."

Ini perkataan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi, soalan saya ialah, adakah benar bahawa Rothmans Tobacco Holdings Limited adalah sebuah syarikat di bawah effective control, dengan izin, oleh Rupert Foundation di London? Adakah benar Rupert Foundation ini ditubuhkan oleh seorang jutawan Afrika Selatan iaitu Anton Rupert? Adakah benar bahawa Rupert Foundation ini dimiliki oleh kumpulan Rand Brand, satu kumpulan yang besar, raksaksa, yang terkenal dari Afrika Selatan? Adakah benar bahawa Rupert Foundation dengan modal Afrika Selatan itu dan melalui Rothmans Tobacco Holdings Limited memegang saham Rothmans International sebanyak 18 juta saham biasa (ordinary shares), dengan izin, yang merupakan 99.9% saham biasa yang dikeluarkan oleh syarikat itu? Adakah benar bahawa Rupert Foundation dengan modal Afrika Selatan melalui Rothmans Tobacco Holdings mengawal saham Rothmans International sebanyak 64 juta saham biasa "B" atau "B" ordinary shares? Adakah benar bahawa pemegang saham Afrika Selatan melalui Rupert Foundation sebagai alat pengawalan ke arah mempelbagaikan struktur corporate mereka serta menyelamatkan pembayaran cukai telah menjadi pemilik Rothmans International?

Jika jawapan kepada soalan-soalan yang saya sebutkan tadi ialah "ya", maka pernyataan Yang Berhormat

Timbalan Menteri pada 11hb November minggu lepas itu bahawa "Rothmans Tobacco Holdings Limited dipercayai tidak mempunyai sebarang pelaburan dari rakyat Afrika Selatan" adalah pernyataan yang palsu. Jika jawapannya "ya", Yang Berhormat Timbalan Menteri telah gagal dalam tugasnya mempraktikkan dan mengikuti dasar Kerajaan iaitu dasar Malaysia anti-apartheid yang diisytiharkan oleh pihak Kerajaan sendiri.

Jikalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu bahawa Rothmans Tobacco Holdings tidak dimiliki oleh rakyat ataupun orang-orang individu dari Afrika Selatan, beliau boleh mengaku bahawa beliau tidak tahu, tetapi dengan pernyataan dalam Dewan yang mulia ini pada tarikh 11hb November ini beliau telah, Tuan Pengerusi, dengan izin, misleadkan Dewan ini kepada suatu keadaan yang harus didedahkan supaya kita boleh terus-menerus dengan menjalankan kempen anti-apartheid. Kalau jawapan kepada soalan saya ialah "ya", beliau telah bercanggah peraturan terhadap hak-hak dan kebebasan di bawah Standing Orders dan saya cadangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri ini dirujuk kepada Privileges Committee supaya menyasat mengapa dia membuat satu kesilapan yang amat serius ini dan saya menunggu jawapan esok.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Ledang.

5.46ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Othman (Ledang): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada muka surat 99, Maksud B.20, Butiran 020000—Program Penggalakkan Perdagangan, berkaitan dengan 020200—Perdagangan Antarabangsa.

Tuan Pengerusi, Bahagian ini diberi peruntukan sebanyak \$24,061,500 dan

sewajarnya digunakan sebaik-baiknya untuk menggalakkan perdagangan di peringkat antarabangsa, keluaran yang dibuat daripada negara ini. Di dalam bidang ini kita menghadapi masalah yang agak rumit kerana keadaan ekonomi dunia yang meleset yang menyebabkan permintaan berkurangan dibandingkan dengan keadaan ekonomi dunia yang tumbuh segar dibandingkan dengan tahun-tahun 1960an atau 1970an.

Ekoran daripada keadaan ekonomi dunia yang meleset tadi maka wujud gara-gara untuk melindungi industri-industri tempatan di negara-negara maju khususnya, termasuklah juga negara-negara yang sedang membangun. Sementara itu pula kita juga menghadapi suasana di mana negara-negara yang dahulunya sedang membangun dan dirujuk dengan izin, "newly industrialised countries" telah mendahului negara seperti Malaysia dari segi menempah pasaran di negara-negara yang maju terutama sekah dalam bidang-bidang pengeluaran, di mana mereka terlebih dahulu dari segi peringkat pengeluaran ataupun dari segi penggunaan modal dan teknologi yang lebih maju dibandingkan dengan kita. Ini bermakna bahawa pasaran di negara-negara maju untuk bahan-bahan yang dikeluarkan telah pun ditembusi oleh negara-negara "The Newly Industrialised Countries", dengan izin. Jadi berdasarkan kepada 3 ataupun 4 sebab ini iaitu recession, perlindungan dan seterusnya ada "newly industrialised countries" ini, maka kita menghadapi masalah yang agak rumit untuk memasarkan barang-barang yang kita keluarkan daripada negara kita.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan di sini supaya satu inisiatif baru atau arah tujuan yang baru dari segi memasarkan bahan-bahan pengeluaran kita dan saya

cadangkan di sini supaya pihak Bahagian Perdagangan Antarabangsa ini membuat satu pendekatan yang lebih concerted, dengan izin, dari segi memasarkan di peringkat antarabangsa:

- (i) pendekatan perdagangan Intra-ASEAN sewajarnya dipertingkatkan lebih-lebih lagi mengenai projek yang ada complementaritinya antara negara-negara ASEAN.
- (ii) pendekatan perdagangan antara bukan sahaja Malaysia secara bersendirian bahkan ASEAN dengan kumpulan rantau OECD. Kita melihat ASEAN ini sebagai satu entity yang agak kuat dan berkesan dari segi memajukan kepentingannya sebagai satu kumpulan ekonomi dengan kumpulan ekonomi yang lain yang ada dalam dunia sekarang ini. Jadi, pendekatan yang telah dibuat sehingga kini ialah antara ASEAN dengan negara-negara yang terkandung di dalam OECD dan seterusnya antara ASEAN dengan negara-negara berasingan yang ada di dalam OECD dan antara ASEAN dengan kumpulan EEC;
- (iii) pendekatannya ialah ASEAN secara satu kumpulan ataupun satu entity ekonomi yang berkesan memainkan peranannya dalam konteks hubungan perdagangan antara Selatan dengan Selatan. Perbincangan hingga kini yang dapat saya kesan dalam bidang perdagangan antara Selatan dengan Selatan ini ialah perdagangan secara berasingan antara negara-negara yang terlibat. Dan kita sedia maklum bahawa negara-negara yang terkandung di dalam Selatan dengan Selatan ini

adalah satu kumpulan yang agak amorphous, dengan izin, yang berbagai-bagai dan mungkin kita tidak mengenal dengan lebih dekat tentang sistem perdagangan ataupun sistem ekonomi negara-negara tersebut. Oleh yang demikian, sewajarnya kita mendekati negara-negara Selatan dan Selatan ini dengan melalui pendekatan ASEAN dengan kumpulan ekonomi serantau yang wujud di kalangan negara Selatan Selatan ini.

Contohnya ialah ASEAN dengan Latin American Economic System.

Yang kedua, ASEAN dengan Economic Community of west African States.

Yang ketiga, ASEAN dengan The South Pacific Economic Forum dan keempat, ASEAN dengan Gulf Cooperation Council.

Jadi, saya mencadangkan bahawa ini adalah satu pendekatan yang mungkin mendatangkan manfaat dan berfaedah yang lebih luas lagi kerana kebelakangan ini kita menekankan hubungan perdagangan dan ekonomi antara negara-negara Selatan dan saya fikirkan bahawa pendekatan yang agak lebih tajam atau lebih berkesan ialah menggunakan ASEAN dengan kumpulan-kumpulan ekonomi seperti yang saya sebutkan itu.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada Butiran 030000, mukasurat 100, Program—Penggalakan Perindustrian, mengenai Kemajuan Perindustrian di mana jumlah wang yang dimohon ialah sebanyak \$2,161,200.

Tuan Pengerusi, dalam keadaan ekonomi yang sedia ada ini, kita sewajarnya mengharapkan wujudnya berbagai-bagai sumber pertumbuhan ekonomi negara kita.

Pan di dalam bidang perindustrian, maka kita mengharapkan modal tempatan sebagai satu sumber yang kuat untuk diwujudkan pelaburan dan seterusnya pertumbuhan ekonomi. Dan sambil itu pula kita mengharapkan sumber modal asing supaya datang ke negara kita ini untuk membuat pelaburannya.

Tuan Pengerusi, dalam soal keyakinan ini kalau sekiranya kita mengesan lebih kurang 12 atau 15 tahun yang lalu, pada keseluruhannya kita dapati bahawa modal asing mengalir ke negara kita ini pada tahap yang meningkat daripada satu tahun ke satu tahun. Soal sama ada Dasar Ekonomi Baru ataupun the Industrial Co-ordination Act menjejaskan pengaliran modal asing tidak timbul. Kalau kita lihat nilai ataupun jumlah modal asing yang mengalir dalam jangka 15 atau 20 tahun yang lalu. Yang menyebabkan keadaan yang agak berbeza dalam satu dua tahun ini, pada pendapat saya, ialah sebahagian besar daripada sebabnya ialah kerana kemelesetan ekonomi dunia pada keseluruhannya. Oleh yang demikian, modal asing yang mengalir di peringkat pasaran antarabangsa ialah ianya lebih berpaut ataupun lebih cenderung untuk mengalir di antara ekonomi-ekonomi yang lebih maju dibandingkan negara seperti yang ada dalam dunia Selatan seperti Malaysia ini.

Dalam soal modal tempatan mengalir keluar, Tuan Pengerusi, kita boleh mempersoalkan perkara ini daripada beberapa sudut, satu sudut ialah sama ada soal yang timbul ialah mereka lebih cenderung untuk beralih tempat berdasarkan kepada perkiraan perniagaan mereka ataupun kepentingan untung dan rugi ataupun sebab-sebab lain, maka terpulanglah kepada mereka yang berhajat untuk membawa modal masing-masing ke tempat yang lebih sesuai menurut selera masing-masing. Tetapi saya percaya.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta gulung!

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Ya, Tuan Pengerusi, apabila kita mengharapkan modal asing maka saya ingin menekankan kepada pihak Kementerian supaya memastikan modal asing yang datang itu hendaklah pada ruang yang saya anggap masih lagi kosong dalam struktur ekonomi negara kita ini. Kita ada apa yang kita panggil backyard industries, kita ada apa yang kita panggil the free trade zone industries. Kita juga ada apa yang dipanggil export-oriented industries yang mungkin tidak begitu kokoh lagi. Kita juga ada sektor apa yang dikatakan import substituted industries dan akhir sekali kita ada sektor heavy industry. Jadi, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan di sini apabila modal asing itu datang masuk ke mari maka kita sewajarnya memastikan dan memilih supaya ruang yang kosong ialah untuk mewujudkan industri-industri berdasarkan kepada cadangan yang agak berguna dan mantap seperti yang terkandung dalam pelan induk perindustrian yang telah dibentangkan, yang telah disempurnakan dalam masa beberapa bulan yang lalu.

Dan tidak payahlah saya menyebut industry sector atau industri-industri yang ditekankan dalam pelan induk tersebut dan saya percaya pihak Kementerian yang berkenaan sedia maklum mengenai sector ataupun industri-industri tersebut. Sekian, terima kasih, Tuan Pengemsi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai.

6.02 ptg.

Tuan Chew Kam Hoy (Padang Serai): Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap mengenai Maksud 20 iaitu di mukasurat 99, Butiran 020000, di

bawah Program Aktiviti 020100 iaitu Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Pengerusi, banyak telah diperkatakan mengenai dasar belilah barangan buatan Malaysia. Malangnya, semangat dan motivasi untuk memperkenalkan barangan tempatan tidak wujud. Ini merupakan suatu lapangan yang perlu dikaji memandangkan ekonomi negara kian merosot—Rakyat Malaysia adalah rakyat yang besar hati, mereka hanya memerlukan kesedaran dan motivasi seperti yang ditunjukkan dalam bantahan-bantahan dan demonstrasi mengenai Akta Rahsia Rasmi, Skandal Koperasi dan baru-baru ini bantahan ke atas lawatan Presiden Israel—Herzog ke Singapura.

Rapat-rapat Umum yang diadakan itu telah mendatangkan banyak sokongan umum dan telah menarik perhatian jawatankuasa tindakan rakyat yang dipimpin oleh Osman Awang. Ini jelas terbukti bahawa rakyat Malaysia masih bersemangat tinggi walaupun wujudnya masalah kemerosotan ekonomi. Semangat ini yang diperlukan oleh negara untuk mengatasi masalah ekonomi yang dihadapi. Dengan itu penglibatan umum yang ditunjukkan itu patut dipelihara. Namun demikian, semangat tersebut diilhamkan oleh skandal dan isu-isu kontroversi iaitu la tidak pernah diaturkan ke dalam satu cara yang boleh meransangkan kesedaran terhadap apa yang boleh dilakukan untuk membantu memulih ekonomi negara atau untuk memaju konsep belilah barangan buatan Malaysia.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mungkin boleh menimbang cadangan-cadangan memperuntukkan satu tabung khas bagi meransangkan dan membiayai demonstrasi dan bantahan yang boleh membantu memulihkan ekonomi

negara. Mengapakah tidak menggunakan semangat tinggi ini untuk menentang citarasa para pengguna yang kini lebih suka membeli barang yang diimport yang dianggap lebih bermutu. Malahan bantahan-bantahan ini akan dibiayai oleh Kementerian berkenaan. Kenapa tidak melancarkan satu demonstrasi kebangsaan yang aman bagi memajukan barangan Malaysia.

Kita perlu mengarahkan semangat membantah dan demonstrasi ini kepada ekonomi negara dengan menanam semangat perlunya mengurangkan barangan import dan membeli barangan tempatan Malaysia akan jadi tempat yang lebih baik dan rakyat akan menjadi suatu kuasa yang dapat menentang kesan-kesan kemerosotan ekonomi dengan lebih berkesan. Semua kumpulan dan organisasi sukarelawan yang terbukti berjaya dalam mengilhamkan bantahan dan demonstrasi patut mengarahkan sasaran mereka untuk memajukan barangan tempatan dan memulihkan ekonomi negara.

Jawatankuasa Tindakan Rakyat tidak sepatutnya hanya bertindak ke atas skandal dan kontroversi yang berbau politik sahaja. Sebaliknya, jawatankuasa tersebut boleh mengatur rapat umum diadakan di setiap negeri demi memajukan konsep belilah barangan Malaysia.

Konsep ini merupakan satu mesej yang amat perlu disampaikan keseluruh negara. PAS, DAP dan parti komponen Barisan Nasional telah mengambil bahagian yang aktif dalam bantahan terhadap lawatan Herzog ke Singapura. Bantahan tersebut telah menarik perhatian seluruh negara serta negara ASEAN yang lain, tetapi sehingga hari ini mereka telah gagal bertindak terhadap masalah ekonomi tempatan yang juga memerlukan perhatian dan publisiti yang sama. Perdagangan dan perindustrian tempatan juga

memerlukan motivasi dan penghasutan umum yang sama untuk memaju dan menimbangkan skel pembangunan ekonomi kita. Kita tidak dapat menafikan perlunya menahan perkembangan ancaman Zionist di rantau ini, tetapi pada masa yang sama kita perlu memikir dan memusatkan perhatian kita kepada bagaimana kita dapat hidup dalam masa ekonomi yang kian kerosot ini.

Usaha membangunkan semangat rakyat ini adalah pada jalan yang betul, tetapi kita tidak boleh membiarkan semangat ini dipadamkan bersama-sama dengan skandal dan kontroversi itu kerana apabila semua seruan ini berakhir, kemerosotan ekonomi akan terus wujud bersama-sama kita seperti sahabat karib kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

6.04 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh dua perkara. Yang pertama, saya ingin menarik perhatian, Tuan Pengerusi, kepada mukasurat 99 Butiran 020000—Penggalakan Perniagaan dan saya hendak bercakap di bawah tajuk perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna.

Bercakap di bawah tajuk perdagangan dalam negeri dan hal ehwal pengguna, saya suka menggesa Kerajaan supaya memberikan perhatian yang berat dan berbuat sesuatu tindakan yang lebih untuk perlindungan pengguna dan bukan hanya memberikan perhatian yang kecil ataupun perhatian yang token, dengan izin, dalam bahasa Inggeris untuk hal ehwal pengguna. Apa yang Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah lakukan setakat ini ialah menubuhkan sebuah Majlis Penasihat Perlindungan Pengguna

Kebangsaan yang mengandungi berbagai jawatankuasa kecil untuk mengendalikan perkara pendidikan pengguna, kajian harga, etika perniagaan yang baik dan pengiklanan di samping kawalan mutu.

Majlis ini hanya bersifat penasihat dan bukan semua nasihat-nasihatnya boleh diterima oleh pihak Kerajaan. Orang ramai tidak mengetahui kegiatan-kegiatan Majlis ini dan sejauh manakah segala nasihat atau cadangan Majlis telah diterima oleh Kerajaan. Kerajaan juga tidak memberikan banyak bantuan kepada pertubuhan-pertubuhan pengguna. Untuk tahun ini Kerajaan hanya memperuntukkan sebanyak \$600,000 sebagai pemberian tahunan kepada setiap persatuan pengguna untuk menjalankan aktivitinya. Untuk tahun hadapan pula peruntukan ini menjadi semakin kecil. Apakah yang boleh persatuan pengguna lakukan dengan peruntukan wang yang kecil ini. Apa yang mereka perolehi hanya mencukupi untuk membayar sewa pejabat.

Ini adalah lebih berguna jika Kerajaan boleh membuka pusat-pusat perlindungan pengguna di berbagai negeri bagi membantu badan-badan pengguna menguruskan aduan dan rungutan daripada para pengguna. Apa Kerajaan patut juga lakukan ialah menyediakan pusat-pusat ujian barangan atau dalam bahasa Inggeris, dengan izin, product testing centres, bagi membolehkan persatuan-persatuan pengguna menggunakan kemudahan tersebut untuk menguji barang-barang yang diadakan oleh orang ramai. Masanya telah juga tiba bagi Kerajaan untuk meneliti berbagai Undang-undang yang ada berkaitan dengan perlindungan pengguna dan menggantikannya dengan satu bentuk undang-undang yang tunggal dipanggil sebagai Akta Perlindungan Pengguna yang lebih komprehensif dan cukup

berkesan untuk memelihara kepentingan para pengguna.

Sebuah Suruhanjaya Penentuan Harga hendaklah juga ditubuhkan bagi menjalankan perbincangan terbuka bagi menentukan harga semua jenis barang dan perkhidmatan ditetapkan pada kadar harga yang adil. Satu Akta Penentuan Harga atau Prices Regulation Act, dengan izin, hendaklah diperkenalkan untuk meliputi semua aspek penentuan harga barang-barang dan perkhidmatan untuk perlindungan para pengguna.

Kita juga harus mempunyai unit hal ehwal pengguna yang ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk melindungi secara berkesan kepentingan para pengguna daripada meletakkan hal ehwal pengguna di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Kepada saya, ia merupakan satu percanggahan kepentingan atau, conflict of interest, dengan izin, bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menguruskan hal ehwal pengguna kerana Kementerian diwujudkan untuk mengendalikn kepentingan-kepentingan pengeluaran, pengusaha dan para pelabur.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin bercakap kepada tajuk Perbadanan Kemajuan Pelancongan di bawah mukasurat 101 di bawah Bekalan P.20. Berhubung dengan galakan pelancongan, saya ingin menyeru Perbadanan Kemajuan Pelancongan supaya mempergiatkan usaha pengalakan pelancongan bagi pembangunan industri pelancongan yang boleh memainkan satu peranan yang mustahak dalam mengurangkan defisit akaun ketara di samping menggalakkan pertumbuhan pendapatan dan pekerjaan. Dalam hubungan ini Perbadanan Kemajuan Pelancongan hendaklah mengambil satu sikap yang lebih agresif dan

enovatif, terutamanya dalam pendekatan pemasarannya untuk menjadikan Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan dengan perbelanjaan yang terhad, oleh kerana peruntukan penggalakannya dikurangkan ekoran daripada kemelesetan ekonomi semasa.

Perbadanan ini hanya memperuntukkan \$2.3 juta untuk Perbelanjaan Pembangunan pada tahun 1987. Usaha-usaha pemasaran hendaklah lebih ditumpukan dalam rantau ASEAN oleh kerana lebih 80% pelancong adalah datang dari negara-negara rantau ASEAN.

Di samping itu penekanan hendaklah terus ditumpukan ke atas pasaran Jepun, Australia, Hongkong dan Taiwan. Usaha-usaha yang lebih bermakna hendaklah dibuat untuk mewujudkan kesedaran antarabangsa bagi Malaysia dan menahk lebih ramai pelancong melawat Malaysia. Kerajaan hendaklah mengambil satu daya usaha di peringkat kebangsaan untuk menggalakkan Malaysia sebagai sebuah destinasi persidangan antarabangsa. Walaupun Kuala Lumpur boleh menonjolkan Pusat Dagangan Dunia Putra sebagai tempat konvensyen antarabangsa berkelas tinggi, akan tetap ia tidak dapat menarik lebih banyak persidangan antarabangsa ataupun konvensyen antarabangsa di sini, selain daripada Persidangan PATA yang diadakan pada awal tahun ini.

Saya ingin menggesa Kerajaan supaya menubuhkan satu biro persidangan ataupun biro konvensyen dengan segera yang bertanggungjawab untuk mendapatkan tawaran persidangan antarabangsa.

Satu biro persidangan akan merupakan penghubung yang pertama untuk bakal-bakal pelanggan dan akan menyediakan khidmat-nasihat mengenai kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan yang

disediakan di Kuala Lumpur. Dengan mengadakan mesyuarat dan persidangan antarabangsa di Kuala Lumpur tidak sahaja akan membantu menggalakkan Malaysia sebagai satu pusat persidangan ataupun pusat konvensyen tetapi juga memberi pendedahan kepada berbagai destinasi pelancongan di negara Mataysia ini.

Konvensyen antarabangsa akan mendatangkan hasil yang lumayan untuk Kuala Lumpur oleh kerana peserta-peserta persidangan atau konvensyen boleh membelanjakan tiga kali ganda wang mereka berbanding dengan para pelancong.

Perbadanan Kemajuan Pelancongan (TDC) hendaklah bekerja rapat dengan Jabatan Imigresen untuk melonggarkan peraturan-peraturan tertentu dengan tujuan untuk membenarkan anggota-anggota perwakilan menghadiri persidangan antarabangsa bagi mendapatkan jalan masuk ke negara Malaysia ini. Kerana dasar-dasar Kerajaan maka persidangan Bank Dunia, Persidangan Tabung Wang Antarabangsa serta beberapa konvensyen antarabangsa telah diadakan di negara-negara jiran kita. Perbadanan Kemajuan Pelancongan hendaklah memainkan peranan yang aktif dalam memastikan bahawa kawasan pelancongan seperti Batu Caves, kilang-kilang batik, pantai-pantai dan tempat-tempat bersejarah disenggarakan dengan bersih dan selesa. Pantai-pantai di Pulau Pinang secara perlahan-perlahan semakin tercemar.

Tanpa pantai-pantai yang bersih, selamat dan baik, para pelancong akan bertukar arah pelancongan ke negara-negara lain di Asia Tenggara. Kerajaan hendaklah menimbang untuk menubuhkan sebuah Kementerian Pelancongan yang akan bertanggungjawab untuk membuat peraturan tentang pembangunan

pelancongan dan memastikan bahawa ianya menjadi industri keempat terbesar di negara ini. Kementerian Pelancongan boleh bekerjasama dengan sistem penerbangan antarabangsa bagi memastikan lebih banyak perjanjian perkhidmatan udara boleh digerakkan dan akan membawa pengaliran masuk lebih ramai pelancong ke negara kita ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam.

6.15 ptg.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan peruntukan di bawah Maksud B.20 Butiran 070000, mukasurat 101.

Tuan Pengerusi, seperti mana yang kita sedia maklum bahawa industri pelancongan adalah merupakan salah satu sumber di mana Kerajaan akan mendapat wang yang begitu banyak untuk pembangunan negara kita ini. Di dalam hal ini, saya amat bersetuju dengan cadangan-cadangan yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya sebentar tadi.

Di sini saya ingin mengambil peluang untuk membuat beberapa saranan untuk kebaikan Perbadanan Kemajuan Pelancongan negara kita ini. Pada ucapan yang telah saya sampaikan di dalam masa membahaskan ucapan Belanjawan baru-baru ini, beberapa perkara telah saya sentuh dan juga beberapa cadangan telah pun dikemukakan. Di sini sekali lagi saya ingin mengambil peluang untuk menyatakan ataupun menekankan di atas cadangan agar Kerajaan ataupun negara kita ini dapat mewujudkan, menjadikan negara kita ini sebagai sebuah negara yang terkenal dalam segi kebudayaan.

Seperti mana kita sedia maklum bahawa negara kita ini memang penuh dengan seni dan kebudayaan, maka rasa saya adalah wajar dan sudah sampai waktunya kita menubuhkan, kita menjadikan Malaysia ini sebagai pusat kebudayaan dunia ataupun, dengan izin, world cultural centre, di mana tiap-tiap dua-tiga tahun sekali pusat kebudayaan dunia ini sama ada ianya dianjurkan oleh Kerajaan ataupun oleh pihak swasta, jika sekiranya Kerajaan tidak mempunyai sumber kewangan, boleh menganjurkan festival ataupun pesta kebudayaan dunia ini dalam masa dua-tiga tahun sekali, kerana dengan adanya pesta seperti itu, maka ianya akan dapat memberi peluang kepada ramai masyarakat dunia akan datang ke negara kita ini untuk sama-sama melihat kebudayaan-kebudayaan yang bukan sahaja akan ditunjukkan oleh negara kita, bahkan oleh negara-negara luar. Dan saya percaya dengan itu maka banyaklah lagi pengaliran wang luar yang akan datang ke negara kita.

Selain daripada itu juga, saya bersetuju iaitu TDC (Perbadanan Kemajuan Pelancongan) boleh bekerjasama dengan pihak MAS (Sistem Penerbangan Malaysia). Sebagai contohnya kalau dahulu, dua-tiga tahun yang lepas MAS pernah menayangkan filem-filem berkenaan tempat pelancongan negara kita ini tetapi nampaknya penayangan filem ini telah diberhentikan oleh sebab-sebab yang kita sendiri tidak tahu. Jadi saya berharap bahawa penayangan filem berkenaan tempat-tempat pelancongan Malaysia khususnya akan dapat diwujudkan semula di dalam penerbangan antarabangsa Malaysian Airline System (MAS).

Tuan Pengerusi, kebersihan dan kecantikan merupakan salah satu faktor di mana ianya akan dapat memikat hati pelancong-pelancong untuk datang ke negara kita ini. Di

dalam hal ini, saya ingin menyarankan supaya Kerajaan agar dapat memberikan peruntukan yang lebih, khususnya kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur kerana kita semua tahu Kuala Lumpur ini adalah satu pusat di mana semua pelancong yang apabila melawat ke negara kita ini akan bermula daripada Kuala Lumpur ini.

Jadi pada satu ketika dahulu kita pernah mendengar ura-ura menjadikan Kuala Lumpur ini, dengan izin, sebagai "Garden City" tetapi nampaknya usaha-usaha itu terbantut buat seketika ini, mungkin oleh kerana keadaan kewangan.

Jadi walau bagaimanapun, saya berharap Kerajaan akan dapat menimbangkan semula peruntukan untuk mencantikkan lagi Kuala Lumpur ini agar ia menjadi "Garden City" seperti mana yang diidamkan itu. Begitu juga dengan kebersihan di tempat-tempat yang tertentu. Sebagai contoh, mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Kerajaan, maksud saya yang berjawatan, mungkin tidak dapat melihat, iaitu kalau kita pergi ke Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, kita akan dapat melihat satu keadaan yang mendukacitakan di mana tempat-tempat seperti tandas dan sebagainya adalah begitu kotor sekali. Ianya tidak dibersihkan seperti mana yang patut dilakukan, ini juga memberi imej yang kurang baik kepada negara kita ini.

Tuan Pengerusi, salah satu masalah yang dihadapi oleh pelawat-pelawat ke negara kita ini ialah untuk mendapatkan visa melawat ke negara kita ini. Saya telah diberi tahu oleh beberapa syarikat pelancongan yang ada di dalam negara kita ini bahawa kadang-kadang pelancong-pelancong yang ingin datang ke negara kita ini oleh kerana untuk mendapatkan visa

lawatan ke negara kita amat susah sekali, yang memakan masa kadang-kadang sampai 2 ataupun 3 bulan, maka pelancong-pelancong yang ingin datang ke negara kita ini melancong ke negara-negara jiran yang lain. Jadi saya berharap Kerajaan juga akan dapat memperkemaskan sistem untuk mengeluarkan visa kepada para pelawat ke negara kita ini.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan iaitu, jika sekiranya boleh, Kerajaan mengurangkan atau menurunkan landing tax, dengan izin, kepada kapal terbang-kapal terbang antarabangsa yang mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Saya difahamkan landing tax ataupun cukai pendaratan yang dikenakan pada pesawat-pesawat yang turun di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang adalah tinggi. Jadi, jika sekiranya landing tax ataupun cukai pendaratan ini dapat dikurangkan, maka saya percaya lebih banyak lagi kapal terbang-kapal terbang antarabangsa daripada luar negeri akan mendarat ke negara kita ini. Kemungkinan besar juga mereka akan divert, dengan izin, ataupun datang mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang kerana landing tax ataupun cukai pendaratannya itu lebih rendah kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran. Apabila ini berlaku maka senanglah pula bagi Sistem Penerbangan Malaysia untuk mendapat landing rights, dengan izin, mendarat di negara-negara di luar negeri dan apabila bertambahnya kapal terbang-kapal terbang luar negeri mendarat di lapangan terbang kita maka ini bermakna jumlah pelancongan akan bertambah lagi. Walaupun dengan mengurangkan landing tax, kita akan rugi dari segi pendapatan cukai pendaratan, tetapi dalam jangka panjang saya percaya Kerajaan ataupun negara kita akan mendapat keuntungan yang lebih

besar lagi. Jadi itu sahajalah yang ingin saya sampaikan di dalam butiran 070000.

Begitu juga, Tuan Pengerusi, saya minta izin untuk berbincang di dalam perkara yang sama di bawah B.20, Butiran 030000, iaitu Penggalakan Perindustrian, mukasurat 100.

Tuan Pengerusi, adalah dimaklumkan bahawa cukai korporat ataupun corporate tax negara kita ini masih tinggi lagi walaupun Kerajaan baru-baru ini telah menurunkan cukai korporat, kalau tidak silap saya daripada 55% kepada lebih kurang 40%, tetapi kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran yang lain corporate tax ataupun cukai korporat yang dikenakan hari ini masih tinggi lagi. Jadi saya ingin mencadangkan di sini oleh kerana kadar pengangguran negara kita ini nampaknya makin hari makin bertambah, dan untuk mengatasi masalah pengangguran ini, maka jawapannya ialah kita mesti menggalakkan pelaburan yang lebih di mana factories boleh dibuka dengan begitu banyak dan untuk memberi galakan seperti ini, saya rasa cara yang paling baik sekali ialah menurunkan corporate tax yang ada pada hari ini kepada katakan 20% hingga 30%.

Di Hong Kong, cukai korporat atau corporate tax ialah 17%, di Singapura 30% dan di Thailand lebih kurang 35%. Jadi kalau kita dapat turunkan cukai ini kepada kadar 30%, saya percaya oleh kerana keadaan politik negara kita ini stabil dan sebagainya maka lebih banyak lagi pelabur-pelabur khususnya daripada Hong Kong, daripada Jepun dan sebagainya, termasuk juga daripada negara-negara jiran akan datang melabur ke negara kita ini. Apabila mereka membuat pelaburan yang begitu banyak, maka pekerjaan-pekerjaan akan dapat diwujudkan begitu banyak juga. Ini akan mengatasi masalah pengangguran, dan Kerajaan juga

dalam jangka panjang akan dapat keuntungan, kerana Kerajaan akan mengenakan cukai terhadap mereka yang diberi gaji oleh pelabur-pelabur itu sendiri.

Jadi inilah cadangan saya, dan saya harap dengan cadangan-cadangan seperti ini Kerajaan akan dapat lebih pendapatan khasnya daripada luar negeri. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

6.27 *ptg.*

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Maksud Bekalan 20, muka surat 99, Butiran 010000, Pentadbiran Am dan 030000 Penggalakan Perindustrian.

Saya gembira tadi mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam yang juga mencadangkan macam mana Kerajaan kita sepatutnya boleh menggalakkan pelabur-pelabur bukan sahaja dari luar negeri tetapi juga dari dalam negeri untuk melabur dalam negara kita pada hari ini untuk mengatasi satu keadaan yang teruk, satu keadaan kemelesetan ekonomi yang kita sedang mengalami dan tidak tentu bila kita akan baik pulih kepada lapangan seperti dahulu, bila kita dapat keadaan seronok dan selesa, bila kita dapat perkembangan ekonomi yang baik atas kadar 12% atau 8% setiap tahun.

Yang penting sekali untuk menggalakkan pelabur-pelabur adalah keyakinan, kepercayaan dalam satu-satu dasar, satu-satu pentadbiran Kerajaan yang akan memberi keadaan-keadaan tetap kepada bakal

pelabur-pelabur. Tetapi adakah kita dapat keadaan-keadaan yang tetap? Adakah kita dapat garis panduan yang tetap? Adakah kita dapat peraturan pelaburan yang tetap pada hari ini? Kita selalu tukar-menukar garis panduan, syarat-syarat dan peraturan-peraturan pelaburan. Maka kalau kita buat begitu memanglah timbul krisis keyakinan, krisis kepercayaan.

Saya juga dapat maklumat iaitu satu perkara besar berkenaan dengan Syarikat Rothmans—ini bukanlah pemilikan Rothmans International seperti rakan saya tadi ada sebut tetapi ini ialah syarikat tempatan, Rothmans (Malaysia) Bhd. Pada satu ketika dahulu, pada bulan Mei, 1986, Syarikat Rothmans (Malaysia) Bhd. ada membuat permohonan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk menyusun semula pemilikan saham Syarikat Rothmans (Malaysia) Bhd. sendiri. Pada masa itu cadangannya ialah untuk meningkatkan pemilikan orang bumiputera daripada 4% kepada 30% saham Rothmans (Malaysia) Bhd.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta sambung semula esok.

Dr Eng Seng Chai: Boleh, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis bersidang semula.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30petang.